

**GLOBAL  
PLURALISM  
MONITOR**

**MALAYSIA**

*Terjemahan dalam Bahasa Malaysia*



## **Pantauan Pluralisme Global: Malaysia**

oleh Pusat Pluralisme Global

© 2023 oleh Pusat Pluralisme Global

Diterbitkan di bawah Lesen Antarabangsa Atribusi Creative Commons 4.0.

### **Penerbit**

Pusat Pluralisme Global  
330 Sussex Drive  
Ottawa, Ontario, K1N 0C7  
Kanada

### **Terjemahan Malaysia**

Syahida Johan

### **Rekabentuk kulit dan halaman**

Soapbox  
[designbysoapbox.com](http://designbysoapbox.com)

### **Atur Huruf**

Em Dash design  
[emdashdesign.ca](http://emdashdesign.ca)

[pluralism.ca](http://pluralism.ca)

   @GlobalPluralism

### **Library and Archives Canada Cataloguing in Publication**

Title: Pantauan Pluralisme Global. Malaysia

Other titles: Global pluralism monitor. Malaysia. Malay. | Malaysia

Names: Global Centre for Pluralism, publisher.

Description: Versi bahasa Melayu. | Syahida Johan, translator. | Includes bibliographical references.

Identifiers: Canadiana (print) 20230510671 | Canadiana (ebook) 20230510698 | ISBN 9781998059270 (softcover) | ISBN 9781998059263 (PDF)

Subjects: LCSH: Minorities—Malaysia—Social conditions. | LCSH: Cultural pluralism—Malaysia. | LCSH: Malaysia—Ethnic relations. | LCSH: Malaysia—Race relations.

Classification: LCC DS595 .G56166 2023 | DDC 305.899/28—dc23

978-1-998059-27-0

978-1-998059-26-3 (pdf)

Hasil kerja ini telah digerakkan dengan sokongan kewangan daripada Hal Ehwal Antarabangsa Global Kanada (Global Affairs Canada – GAC) dan Pusat Penyelidikan Pembangunan Antarabangsa (International Development Research Centre – IDRC), Ottawa, Kanada. Pendapat yang diutarakan di sini tidak semestinya mewakili GAC, atau IDRC dan Lembaga Gabenornya..

## MENGENAI SIRI INI

Laporan ini disediakan berdasarkan Kerangka Penilaian Pantauan Pluralisme Global. Penilaian Pantauan Pluralisme Global setiap negara dibuat oleh pasukan pakar tentang isu kepelbagaian dan merupakan warganegara ataupun mempunyai pengalaman mendalam di negara tersebut.

Skor yang dibentangkan di dalam laporan ini tidak seharusnya ditafsirkan sebagai sebahagian daripada skala universal atau sistem ranking yang boleh diaplikasikan untuk setiap negara dengan cara yang sama. Sebaliknya, skor ini perlu ditakrifkan sebagai sebuah indikasi konteks-khusus kemajuan sesebuah negara ke arah (ataupun menjauhi) pluralistik yang ideal. Contohnya, sebuah masyarakat pasca-konflik yang masih menghadapi keganasan mungkin mempunyai skor yang lebih kurang sama dengan masyarakat yang selalunya aman tetapi sedang mengalami kenaikan jenayah benci. Pantauan Pluralisme Global bertujuan untuk menilai setiap negara dengan cara tersendiri bagi mencerminkan sifat pluralisme yang sangat kontekstual: tiada satu laluan menuju kejayaan yang harus dituruti oleh semua masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Pantauan dan metodologi yang digunakan, layari laman web kami di [pluralism.ca/monitor](http://pluralism.ca/monitor).

## PENGHARGAAN

Pusat Pluralisme Global ingin mengucapkan terima kasih kepada individu berikut di atas sokongan dan sumbangan mereka: Anna-Mária Bíró, Gina Cosentino, Allison Harell, Niraja Gopal Jayal, Will Kymlicka, Hwok Aun Lee, Corinne Lennox, Tavinder Nijhawan, Edem Selormey, Ashad Sentongo, Rachel Sieder, Frances Stewart, dan Stefan Wolff.

# MENGENAI PANTAUAN PLURALISME GLOBAL

Apakah pluralisme?

**Kepelbagaian dalam masyarakat adalah fakta; cara masyarakat bertindak balas terhadap kepelbagaian adalah satu pilihan. Pluralisme adalah sebuah tindak balas positif terhadap kepelbagaian. Pluralisme melibatkan pelaksanaan keputusan dan tindakan yang berasaskan penghormatan kepada kepelbagaian oleh individu dan masyarakat.**

## MENGUKUR KETERANGKUMAN DAN PENYISIHAN DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Hidup dan berinteraksi dengan perbezaan dalam komuniti adalah satu cabaran yang dihadapi semua masyarakat. Keperluan untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan terangkum amat mendesak dalam keadaan di mana ketaksamaan, marginalisasi dan kerencaman semakin meningkat.

Golongan rentan, termasuk golongan agama dan etnik-budaya minoriti, komuniti orang Asal, wanita dan kanak-kanak perempuan mengalami penyisihan dalam politik, ekonomi dan sosial secara berterusan. Bagi membina sebuah masyarakat yang lebih adil, aman damai dan makmur, penyisihan ini harus ditangani. Bagi mengambil tindakan yang berasas, pembuat dan pengamal dasar memerlukan kefahaman holistik mengenai isu-isu ini.

Dilancarkan oleh Pusat Pluralisme Global, Pantauan Pluralisme Global adalah alat pengukur yang menilai kedudukan pluralisme di negara-negara seluruh dunia. Merentasi domain politik, ekonomi, sosial dan budaya, pantauan ini memaklumkan pembuat keputusan untuk mendalami punca-punca yang menyebabkan penyisihan dan meningkatkan prospek pluralisme.

*Meningkatkan usaha sedia ada oleh kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta*

Pantauannya ini membolehkan:

- Analisis jurang: untuk menilai kedudukan pluralisme dalam masyarakat dan mengenal pasti bidang yang memerlukan intervensi dalam menangani penyisihan;
- Analisis trend: untuk menjejaki trajektori negara dalam suatu ruang masa, sama ada menuju dengan lebih banyak ke arah keterangkuman atau penyisihan;
- Analisis titik temu: untuk menilai layanan terhadap wanita dalam masyarakat, mengambil kira dinamik intra-kelompok berkenaan keterangkuman dan penyisihan;
- Pencegahan konflik: untuk mengenal pasti tanda-tanda penyisihan dan marginalisasi sebelum krisis berlaku;
- Amalan baik: untuk mengenal pasti usaha yang memberikan impak positif dan boleh dikembang atau diaplikasikan dalam konteks yang lain.

### *Pendekatan akar umbi dalam tindak balas institusi dan budaya terhadap kepelbagaian*

Pendekatan pluralisme oleh Pusat Pluralisme Global memfokuskan kepada institusi (perkakasan), proses pembudayaan (perisian) dan hubungan kompleks antara keduanya. Pengaturan institusi – seperti perlembagaan, badan perundangan, mahkamah dan sistem pemerintahan – menggariskan ruang undang-undang dan politik tempat ahli masyarakat bertindak. Adat budaya dan set minda membentuk perspektif *siapa berhak* dan *siapa yang menyumbang*, dan mempengaruhi cara kita berinteraksi antara satu sama lain setiap hari.

Kerangka Penilaian Pantauan ini berasaskan interaksi di antara institusi dan tindak balas budaya dan mengukur keterangkuman dan penyisihan melintasi dimensi politik, ekonomi dan sosial. 20 indikator kerangka ini meliputi:

1. Komitmen undang-undang dalam menyandang pluralisme;
2. Amalan institusi negara dalam merealisasikan iltizam;
3. Kepimpinan ke arah pluralisme oleh aktor-aktor dalam masyarakat;
4. Keadaan ketaksamaan berdasarkan kelompok;
5. Hubungan dan rasa kepunyaan antara kelompok.

### *Pemakluman oleh ahli pakar dan data*

Pasukan yang terdiri oleh ahli-ahli pakar kepelbagaian dan keterangkuman dalam negara memanfaatkan Kerangka Penilaian Pantauan bagi menghasilkan laporan untuk setiap negara dengan menggunakan pelbagai data kualitatif and kuantitatif. Laporan-laporan ini menawarkan cadangan menuju ke arah pluralisme untuk pembuat dan pengamal dasar, dan menawarkan asas untuk berdialog dengan pemegang taruh dalam masyarakat.

Setiap pasukan ahli-ahli pakar digalakkan untuk mendefinisikan kisah pluralisme yang *mereka* ingin ceritakan. Dengan cara ini, laporan yang dihasilkan akan berlandaskan realiti tempatan dan terbentuk untuk memberikan impak yang paling berpontensi dalam mempengaruhi dasar dan pelaksanaan.

Pantauan ini dipandu oleh Kumpulan Penasihat Teknikal antarabangsa yang terdiri daripada pakar-pakar terkemuka dalam hal—hal indeks dan kepelbagaian.

# PANTAUAN PLURALISME GLOBAL KERANGKA PENILAIAN


## PROFIL NEGARA

ILTIZAM	AMALAN	KEPIMPINAN	KETAKSAMAAN BERDASARKAN KELOMPOK	HUBUNGAN DAN RASA KEPUNYAAN ANTARA KELOMPOK
Iltizam Antarabangsa	Pelaksanaan Dasar	Parti-Parti Politik	Politik	Keganasan Antara Kelompok
Iltizam Nasional	Pengumpulan Data	Media Berita	Ekonomi	Kepercayaan Antara Kelompok
Kewarganegaraan Terangkum	Tuntutan dan Perdebatan	Masyarakat Sivil	Sosial	Kepercayaan Kepada Institusi
		Sektor Swasta	Budaya	Keterangkuman dan Penerimaan
			Akses Kepada Keadilan	Masyarakat Sepunya

## CADANGAN

# ISI KANDUNGAN

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>7</b>
<b>PROFIL NEGARA</b>	<b>11</b>
<b>BAHAGIAN I. ILTIZAM</b>	<b>14</b>
1. ILTIZAM ANTARABANGSA	15
2. ILTIZAM NASIONAL	16
3. KEWARGANEGARAAN TERANGKUM	18
<b>BAHAGIAN II. AMALAN</b>	<b>20</b>
4. PELAKSANAAN DASAR	21
5. PENGUMPULAN DATA	22
6. TUNTUTAN DAN PERDEBATAN	24
<b>BAHAGIAN III. KEPIMPINAN UNTUK PLURALISME</b>	<b>26</b>
7. PARTI-PARTI POLITIK	27
8. MEDIA BERITA	28
9. MASYARAKAT SIVIL	30
10. SEKTOR SWASTA	31
<b>BAHAGIAN IV. KETAKSAMAAN BERDASARKAN KELOMPOK</b>	<b>33</b>
11. POLITIK	34
12. EKONOMI	35
13. SOSIAL	37
14. BUDAYA	39
15. AKSES KEPADA KeadILAN	41
<b>BAHAGIAN V. HUBUNGAN DAN RASA KEPUNYAAN ANTARA KELOMPOK</b>	<b>43</b>
16. KEGANASAN ANTARA KELOMPOK	44
17. KEPERCAYAAN ANTARA KELOMPOK	45
18. KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI	47
19. KETERANGKUMAN DAN PENERIMAAN	49
20. MASYARAKAT SEPUNYA	51
<b>CADANGAN</b>	<b>53</b>
<b>NOTA</b>	<b>57</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>62</b>





# RINGKASAN EKSEKUTIF

**Selain daripada itu, walaupun dasar afirmatif ini melingkupi semua golongan Bumiputera, peminggiran sistemik dan pembangunan ekonomi yang lembap untuk komuniti orang Asal menunjukkan bahawa keterangkuman dalam masyarakat**

## SKOR PURATA: 5

Imej kejayaan Malaysia mendakap kepelbagaian secara tolak ansur dan harmoni tampak kabur dengan peningkatan gerakan nasionalisme Melayu. Dalam wacana mengenai kerangka perlembagaan dan undang-undang negara yang menghalang pluralisme dan dasar-dasar afirmatif yang menyebabkan marginalisasi golongan minoriti, laporan Pantauan ini menekankan keperluan untuk membentuk sebuah negara bangsa yang lebih terangkum. Dengan penekanan kepada perkauman etnik, agama dan golongan rentan (bukan warganegara), laporan ini mengetengahkan cabaran-cabaran dalam mencapai pluralisme.

Dasar afirmatif yang berlandaskan kedudukan istimewa Bumiputera (untuk kaum Melayu dan orang Asal) telah menzahirkan perasaan tidak puas hati di kalangan golongan bukan Bumiputera kerana tidak mempunyai akses kepada peluang dan hak yang sama. Selain daripada itu, walaupun dasar afirmatif ini melingkupi semua golongan Bumiputera, peminggiran sistemik dan pembangunan ekonomi yang lembap untuk komuniti orang Asal menunjukkan bahawa keterangkuman dalam masyarakat Malaysia adalah satu cabaran untuk kaum bukan Melayu. Walaupun komuniti Melayu merupakan komuniti terbesar dan mempunyai pelbagai keistimewaan, perasaan tergugat dan terancam dengan kaum etnik minoriti telah membuahkan faktor penyisihan baharu dalam masyarakat. Oleh itu, kesepaduan sosial Malaysia yang bercirikan ketegangan stabil dan usaha untuk dasar kesepaduan telah berubah menjadi asimilasi.

## ILTIZAM UNDANG-UNDANG

Iltizam antarabangsa Malaysia berkenaan hak asasi manusia hambar. Malaysia telah memersetujui tiga perjanjian Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tetapi sebagai sebuah negara dualisme, perjanjian tersebut tidak termaktub dalam undang-undang negara. Namun begitu, kerangka perlembagaan mengakui kepelbagaian budaya yang ada dan merungkai pluralisme dengan slogan 'perpaduan dalam kepelbagaian'. Usaha seperti Rangka Tindakan Perpaduan Negara yang bertujuan memupuk keharmonian negara malangnya, tidak menyatakan dengan jelas keperluan menuju perpaduan negara, sekaligus menambahkan lagi cabaran yang dihadapi Malaysia.

Peruntukan kewarganegaraan berdasarkan kaum dan agama adalah terangkum dan memberikan kebebasan semua rakyat untuk mengamalkan agama mereka secara harmoni. Walau bagaimanapun, isu populasi terpinggir dalam mendapatkan kewarganegaraan masih berleluasa dan menyebabkan peningkatan krisis ketiadanegaraan.

## AMALAN DAN KEPIMPINAN

Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab ke atas dasar pluralisme, namun begitu, skop iltizam nasional yang terhad menyebabkan banyak kekurangan dalam

pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Ini berbeza dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) yang lebih menonjol sebagai pihak pengantara dan dalam menyuarakan kesepaduan. Malaysia harus mengiktirafkan keperluan untuk usaha berterusan berkenaan perpaduan negara. Hanya dengan ini, kesenjangan dan jurang di antara golongan Bumiputera, Cina dan India akan dapat dikesan secara konsisten. Kesenjangan ini dapat dilihat dengan layanan tidak sama rata yang dialami oleh kaum bukan Melayu apabila membuat tuntutan. Terutamanya komuniti orang Tamil dan Hindu yang lebih sering ditahan dalam tahanan manakala kumpulan kaum etno Melayu kebanyakannya dilepaskan.

Terdapat juga usaha aktif bagi menggalakkan kepelbagaian dalam parti politik, media berita serta sektor swasta. Ketekunan mereka telah membentuk ruang kepelbagaian dalam politik dan tempat-tempat kerja. Walau bagaimanapun, golongan rentan seperti wanita, golongan pelarian dan imigran masih disisihkan dalam wacana politik. Terdapat juga trend membimbangkan di mana media berita dan organisasi masyarakat sivil dikecam, disoal siat dan didakwa dalam mahkamah kerana menerbitkan ulasan yang tidak memihak kepada kerajaan. Ini membuahkan kebimbangan tentang kebolehan kerajaan Malaysia untuk menegakkan isu pelanggaran hak asasi manusia dan diskriminasi terhadap kelompok minoriti.

### **KETAKSAMAAN BERDASARKAN KELOMPOK, HUBUNGAN DAN RASA KEPUNYAAN ANTARA KELOMPOK**

Kekurangan perwakilan oleh kumpulan minoriti telah menyebabkan akses terhad kepada keadilan dan marginalisasi sosioekonomi kaum wanita, imigran dan orang Asal. Malaysia Timur yang kebanyakannya terdiri oleh golongan penduduk asli masih bergelut dengan pelbagai isu seperti infrastruktur luar bandar yang tidak mencukupi dan pembangunan sosioekonomi yang lemah. Golongan ini juga amat terkesan kerana ketaksamaan dalam kualiti pendidikan dan penjagaan kesihatan. Penerapan Malaysia dalam hal-hal berkenaan kesaksamaan jantina juga masih kurang dan gagal untuk merapatkan jurang jantina dalam pemerikasaan ekonomi dan penyediaan khidmat sosial untuk ibu-ibu.

Walaupun persepsi dan pengalaman terhadap ketaksamaan wujud, keyakinan dan hubungan antara kelompok adalah kuat di Malaysia dan kebanyakan orang Malaysia menganggap negara selamat. Namun begitu, toleransi dan penghayatan terhadap kepelbagaian kaum bangsa dan agama tidak semestinya membuahkan persahabatan sesama kelompok. Malah, dengan meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi telah menyebabkan agama-agama lain menjadi sekunder. Contohnya, dalam tangga kejiranan, orang Melayu lebih cenderung untuk bersifat diskriminasi terhadap kaum lain. Tinjauan Persepsi Pluralisme yang dibuat oleh Pusat Pluralisme Global menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai ikatan yang kuat antara satu sama lain – orang Melayu menyandang skor yang lebih tinggi daripada orang India, Cina dan kaum Bumiputera yang bukan Melayu.

**Mereka merupakan golongan Bumiputera tetapi mereka juga adalah masyarakat yang mudah terdedah kepada risiko.**

## HASIL PANTAUAN

Laporan ini membincangkan paradoks hubungan kelompok di Malaysia: walaupun data kuantitatif menunjukkan hubungan kelompok yang baik, terdapat pengalaman dan persepsi diskriminasi yang tinggi oleh kumpulan minoriti pada masa yang sama. Konsep bangsa Malaysia masih harus dipertikaikan walaupun terdapat beberapa usaha untuk mengutamakan kewarganegaraan terangkum dan membendung kesenjangan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan memupuk kepelbagaian budaya di Malaysia sekaligus menekankan kerasmian agama Islam dan orang Melayu. Ini menjadikan agama Islam titik rujukan kebolehterimaan untuk agama dan budaya lain, dan meletakkan mereka dalam landasan sekunder. Kesenjangan wujud kerana ini. Walaupun terdapat kekurangan data dalam membuktikan ketaksamaan sosioekonomi bergariskan agama, laporan Pantauan menunjukkan bahawa orang Islam mempunyai akses yang lebih terhadap pendidikan dan pendapatan. Kelompok Bumiputera yang beragama Kristian lebih cenderung disisihkan dalam perkhidmatan awam.

Malaysia telah mengambil langkah penting dalam mengiktiraf adat orang Sabah dan Sarawak. Namun begitu, mereka masih merangkumi golongan terbesar dalam kesenjangan sosioekonomi. Mereka terkesan dalam isu-isu berkaitan kewarganegaraan, perkhidmatan awam, pendidikan berkualiti dan hak tradisional. Mereka merupakan golongan Bumiputera tetapi mereka juga adalah masyarakat yang mudah terdedah kepada risiko. Data terhad mengenai masyarakat-masyarakat rentan seperti ini bukan sahaja membuahkan cabaran menuju pluralisme tetapi juga ke arah pembangunan dasar-dasar bermakna dalam membendung kesenjangan.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan diskriminasi menjadi isu yang sukar dirungkai di Malaysia. Penyekatan hak kebebasan bersuara bagi pihak media berita, bidasan organisasi masyarakat sivil dan penganiyaan kelompok minoriti dalam menyuarkan aduan oleh kerajaan menyebabkan pengalaman ketaksamaan sukar untuk dibincangkan. Kesukaran untuk mendapatkan akses data mentah menjadikan pengukuran kesenjangan ini lebih mencabar. Namun begitu, pengendahan tindakan berkesan mengenai diskriminasi dan ketaksamaan mendedahkan ketidakmampuan politik untuk menangani isu dasar utama, isu kewarganegaraan dan landskap politik yang telah mengelirukan keterangkuman dan kesepaduan dengan asimilasi.

## CADANGAN

Cadangan-cadangan ini menggema saranan pakar, kumpulan aktivis dan pihak berkepentingan untuk Malaysia ke arah pluralisme.

- Perjanjian antarabangsa yang ditandatangani dan disahkan oleh Malaysia memberikan peluang untuk membugar iltizam pluralisme. Dengan ini, Malaysia boleh menambahbaik laporan-laporan perjanjian berkaitan kepelbagaian dan keterangkuman. Ini termasuklah Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya (CRPD).

- Menggembeleng kuasa dan sumber bagi pembentukan dasar dan pelaksanaan institusi berkenaan perpaduan negara dan hal-hal penduduk asli. Ini akan meleraikan 'tuntutan ketuanan' dalam kalangan kumpulan kaum majoriti dan meredakan kebimbangan kumpulan minoriti.
- Masyarakat sivil dan kumpulan media menghadapi halangan untuk terlibat dalam laporan dan aktivisme yang lebih terangkum kerana sekatan undang-undang. Bagi menggalakkan mereka, Malaysia harus menyemak semula undang-undang tersebut.
- Dasar ekonomi sedia ada dan pemerkasaan program boleh mengurangkan jurang perkauman, jantina dan serantau. Bagi menambahbaik keberkesanan program-program ini, cara pelaksanaan boleh diulas semula untuk memastikan keadilan dalam pendidikan dan kepelbagaian dalam pendaftaran, menangani kekurangan akses masyarakat rentan dan memupuk kesepaduan.
- Program dan strategi hubungan etnik boleh disemak semula bagi memupuk nilai-nilai keterangkuman dan kepelbagaian dalam sistem pendidikan. Ini boleh meningkatkan pengurusan ketegangan dan konflik kaum, melindungi suara masyarakat dan menzahirkan rasa keberadaan.

# PROFIL NEGARA

Malaysia adalah sebuah negara majmuk di mana perbezaan dan kepelbagaian merupakan punca berterusan perhimpunan dan ketegangan negara. Di Malaysia, istilah “bangsa” dan “kaum” sering ditukar ganti dan lebih merujuk kepada kebudayaan atau keturunan dan bukannya warna kulit. Istilah itu juga merangkumi banyak lapisan. Sifat fenotip istilah itu boleh dibezakan mengikut orang Melayu, orang Asal, orang Cina, orang India dan kumpulan-kumpulan minoriti di samping kumpulan-kumpulan ini mengekalkan bahasa dan budaya mereka yang ketara berbeza. Pengelasan ini diwarisi daripada zaman kolonial tetapi terdapat juga istilah seperti *Bumiputera* yang terbentuk daripada politik pasca-kemerdekaan. Pertindihan pengelasan ras, etnik dan sub-etnik ini memadai untuk menerima pakai konsep hybrid “kaum-bangsa” untuk menyempadankan kepelbagaian yang paling menonjol di Malaysia.

Masa kini, kategori kaum-bangsa Bumiputera meliputi 70 peratus daripada warganegara Malaysia, di mana 56 peratus adalah kaum Melayu yang tinggal di Semenanjung, sementara 14 peratus lagi adalah penduduk kaum asli yang tinggal di Sabah dan Sarawak, dan orang-orang Asal yang menetap di Semenanjung. Kategori lain adalah orang Cina (23 peratus) dan India (7 peratus) dan 1 peratus lagi merupakan kategori kumpulan “Dan Lain-Lain”. Tiga suku daripada penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan lebih heterogen.<sup>1</sup>



Photo: Shutterstock/Naturalism14

## **Malaysia lahir daripada keadaan yang membentuk aturan pluralisme dan dinamik keterangkuman dan penyisihannya.**

Malaysia lahir daripada keadaan yang membentuk aturan pluralisme dan dinamik keterangkuman dan penyisihannya. Rundingan penting yang membawa kepada kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957 adalah “tawar-menawar kaum” oleh golongan elit yang mewakili orang Melayu, Cina dan India. Tawar-menawar ini memberikan kewarganegaraan kepada penduduk, menjamin kesaksamaan dan melarang diskriminasi – termasuk peruntukan istimewa sosioekonomi untuk orang Melayu dan “kepentingan sah” komuniti-komuniti lain dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 dengan penyatuan Tanah Melayu (yang kemudiannya digelar sebagai Semenanjung Malaysia atau Malaysia Barat), Sabah dan Sarawak (Malaysia Timur) membentuk persekutuan yang baharu dan lebih besar. Ia sekaligus meluaskan Perkara 153 berkenaan kategori Bumiputera kepada orang Sabah dan Sarawak. Empat perlima daripada penduduk Malaysia tinggal di 11 negeri di Semenanjung, manakala yang selebihnya di Malaysia Timur.

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) memeterai pembentukan negara Malaysia, dan menetapkan hak dan kebebasan kepada Sabah dan Sarawak mengenai perkara berkaitan pekerjaan, agama dan bahasa. Pindaan perlembagaan yang dibuat pada bulan Disember 2021 mengembalikan kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai konstituen persekutuan Malaysia, seiring dengan Semenanjung Malaysia. Namun begitu, keberkesanan pindaan perlembagaan ini masih perlu diperhati. Kemunduran pembangunan ekonomi di Malaysia Timur dan pencerobohan kerajaan Persekutuan merupakan isu utama yang menghalang kepada hubungan serantau yang lebih erat.

Kepelbagaian agama di Malaysia diwakili oleh statistic yang menunjukkan 63.5 peratus penduduk Malaysia merupakan orang beragama Islam, 18.7 peratus adalah penganut Buddha, 9.1 peratus beragama Kristian dan 6.1 peratus pula beragama Hindu.<sup>2</sup> Mengikut Perlembagaan, agama Islam adalah “agama bagi Persekutuan” dan Malaysia dikenali sebagai sebuah negara sekular. Kesembilan Raja-Raja Melayu adalah Ketua Agama di negeri masing-masing dan bagi negeri yang tidak mempunyai keluarga diRaja dan di wilayah-wilayah, Yang di-Pertuan Agong akan memainkan peranan tersebut. Kebanyakan perkara berkaitan amalan Islam terletak di bawah bidang kuasa peringkat negeri. Perlembagaan Malaysia memelihara kebebasan beragama dengan had tertentu (terutamanya kepada orang beragama Islam), dan hal-hal kekeluargaan orang Islam secara umumnya diuruskan oleh mahkamah Syariah. Kerajaan negeri dan persekutuan mengekalkan birokrasi agama dengan skop dan kuasa yang besar. Dalam penilaian ini, impak agama terhadap pluralisme di Malaysia patut diambil kira sebagai sejenis kepelbagaian.


Hubungan kaum-bangsa dan perbezaan agama meraikan kepelbagaian, tetapi juga boleh menyebabkan ketegangan. Pada 13 Mei 1969, rusuhan kaum terjadi akibat daripada retakan sosiopolitik dan menjadi titik perubahan untuk kerajaan menangani kebimbangan orang Melayu. Hasil daripada tragedi ini, kedudukan politik orang Melayu digagahkan, pakatan politik berasaskan kaum-bangsa di pihak pemerintah diperluaskan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) diisytiharkan pada tahun 1971. DEB merupakan program menyeluruh untuk membangunkan ekonomi, menjana pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan, tetapi, yang amat penting juga, ia memperluaskan dan menekankan tindakan afirmatif pro-Bumiputera dengan meningkatkan mobiliti, urbanisasi dan perwakilan mereka dalam eselon sosioekonomi yang lebih tinggi. Pada masa kini, program DEB masih lagi kekal dan kesan yang diwarisi daripadanya meluas dan rumit. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan DEB telah menyumbang kepada memupuk kesepaduan dan pluralisme dengan menggalakkan perwakilan saksama dan interaksi sesama kelompok dan pada

masa yang sama mengekalkan ketengangan sedia ada berkenaan ketaksamaan peluang sosioekonomi di antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang kompleks, di mana kesepaduan dan polarisasi wujud bersama.

Dinamik keterangkuman dan penyisihan -terutamanya penyisihan- sesebuah masyarakat memerlukan perhatian spesifik bagi golongan “masyarakat rentan”. Marginalisasi masyarakat rentan terhasil oleh ketiadaan kewarganegaraan, dokumentasi tempat tinggal dan/atau kerana kesenjangan sosioekonomi. Golongan ketiadanegaraan di Malaysia termasuklah golongan orang Asal, terutamanya di Sabah dan Sarawak, dan orang India dalam komuniti terpinggir di ladang-ladang pendalaman. Mereka tidak diberikan kewarganegaraan secara rasmi kerana menghadapi masalah dokumentasi dan kelahiran mereka gagal didaftarkan. Golongan ketiadanegaraan yang lain termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan di luar Malaysia oleh wanita Malaysia yang berkahwin dengan suami warga asing Malaysia, kanak-kanak yang dilahirkan oleh warga asing tanpa izin dan kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing yang tidak sah berkahwin dengan warganegara Malaysia. “Orang tiada negara” ini tidak boleh mendapat peluang asas seperti persekolahan dan pekerjaan. Pekerja asing tanpa izin (terutamanya yang berada dalam keadaan tersebut di luar kawalan atau kehendak mereka), menghadapi pelbagai kesukaran manakala pekerja asing yang sah pun tidak mendapat hak yang sama dengan warganegara. Data berkaitan golongan rentan agak terhad dan hal ini merupakan cabaran dalam menilai indikaot kepada pluralisme untuk golongan ini. Perbincangan tentang kumpulan ini adalah ringkas dan ia tidak memberikan gambaran sepenuhnya tentang kepentingan isu masyarakatan rentan dalam konteks pluralism.

Malaysia mengekalkan kesepaduan sosial dengan sebuah status yang dikenali sebagai “ketegangan stabil.”<sup>3</sup> Pilihanraya umum pada tahun 2008 dan 2013 menyaksikan berakhirnya majoriti dua per tiga di parlimen yang dipertahankan oleh Barisan Nasional. Ini membuka ruang yang lebih luas untuk membincangkan isu berkenaan keadilan, kebertanggungjawapan awam, pembaharuan demokrasi dan pematuhan piawai antarabangsa hak asasi. Pilihanraya umum 2018 pula menunjukkan anjakan besar landskap politik Malaysia; politik perkauman dan politik berasaskan agama kalah kepada pakatan politik majmuk. Peruntukan perlembagaan dan duluan sejarah menjadi asas penting bagi masyarakat majmuk dan plural, tetapi agenda politik dan sikap tidak bertoleransi yang dibiarkan akan meningkatkan polarisasi dan membakar sentiment kaum dan agama. Warganegara Malaysia secara amnya mempunyai persepsi positif mengenai hubungan etnik dan selesa dengan identiti nasional sebagai seorang warga Malaysia, di samping menerima identity kaum-bangsa dan agama. Walaupun begitu, pecahan kaum-bangsa, agama dan serantau wujud dan harus ditangani secara berterusan dengan kebijakan dan cara yang berkesan.

# BAHAGIAN I. ILTIZAM





# 1. ILTIZAM ANTARABANGSA

## SKOR PURATA: 3.5

KELOMPOK KAUM BANGSA | SKOR: 2

AGAMA | SKOR: 4

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 4

**Malaysia mengamalkan pendekatan dualism dalam penerimaan undang-undang antarabangsa; triti tidak semestinya diperbadankan dalam undang-undang negara secara automatik.**

Daripada 11 perjanjian di dalam rubrik Pantauan Pluralisme Global, Malaysia hanya mempersetujui 4:<sup>4</sup>

- Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW);
- Konvensyen Hak Kanak-Kanak;
- Konvensyen Penghindaran dan Hukuman Jenayah Genosid;
- Konvensyen UNESCO Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara.

Tambahan lagi, tiada satu daripada 4 perjanjian tersebut diperbadankan dalam undang-undang negara, dan ratifikasi terhadap CEDAW dan Konvensyen Hak Kanak-Kanak telah dibuat dengan menetapkan pengecualian. Ratifikasi terhadap CEDAW telah dilakukan dengan menetapkan pengecualian yang berasaskan kepada pematuhan undang-undang Syariah berkaitan hak wanita Islam sebagai bersangkutan dengan lelaki Islam, terutamanya berkenaan hal-hal memasuki perkahwinan, hak penjagaan anak dan pengambilan anak angkat dan hak-hak peribadi. Persetujuan Malaysia terhadap Konvensyen Hak Kanak-Kanak disertai dengan lima penetapan pengecualian yang melibatkan peruntukan asas dalam triti tersebut.<sup>5</sup>

Malaysia mengamalkan pendekatan dualism dalam penerimaan undang-undang antarabangsa; triti tidak semestinya diperbadankan dalam undang-undang negara secara automatik. Terdapat beberapa pembaharuan undang-undang yang kemungkinan besar telah dipengaruhi oleh perjanjian-perjanjian tersebut. Namun begitu, rujukan kepada perjanjian tersebut tidak dijelaskan dalam transkrip penyata rasmi Hansard yang merekodkan prosiding Parlimen.

Pada tahun 2018, Malaysia telah menyatakan hasrat untuk akur kepada Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD). Namun begitu, kerajaan di bawah Pakatan Harapan tidak dapat menunaikan hasrat tersebut kerana bantahan kuat daripada komuniti parti politik dan masyarakat sivil Melayu-Islam.<sup>6</sup> Wacana ini menonjolkan lagi pengecualian Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan yang tidak selari dengan perlindungan kesaksamaan asas dalam Perkara 8. Malaysia tidak mengambil peluang untuk menerangkan kedudukannya berkaitan diskriminasi bangsa/ras berbanding tindakan afirmatif melalui ICERD.

Apapun situasi berkaitan ICER, sejak tahun 2001, Malaysia telah menyokong Deklarasi Durban dan Program Tindakan, dan paling terkini, resolusi 2021 Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menolak perkauman.<sup>7</sup> Masih banyak yang perlu dilakukan

oleh Malaysia untuk mendalami keterangkuman dan membendung isu perkauman di peringkat global dan nasional.<sup>8</sup> Implikasi kepada sokongan Malaysia terhadap Deklarasi Durban di peringkat antarabangsa harus diartikulasikan supaya iltizam dasar luar negara boleh diperkasakan dalam negara.

Malaysia aktif dalam Sesi Semakan Berkala Sejangat (UPR) oleh PBB di mana hal-hal tentang hak asasi manusia dikemukakan. Malaysia melalui tiga semakan UPR pada tahun 2009, 2013 dan 2018 dan menerima 268 cadangan. Malaysia menerima 147 daripada cadangan-cadangan tersebut dan dijangka untuk memberikan laporan terbaru mengenai perkembangan yang telah dilakukan. Malaysia juga telah dipilih oleh 183 ahli PBB untuk menduduki satu kerusi dalam Majlis Hak Asasi Manusia PBB untuk penggal 2022-24. Sebelum dipilih, Malaysia telah memberikan jaminan untuk menandatangani dan meratifikasi konvensyen-konvensyen antarabangsa berkaitan hak asasi manusia yang masih belum ditandatangani.

Dalam konteks antarabangsa, Malaysia terlibat secara aktif dalam migrasi beberapa golongan rentan. Namun begitu, ini telah dilakukan tanpa menganggotai konvensyen yang berkenaan; contohnya, Malaysia telah menerima masuk ramai pelarian tetapi masih bersikap ambivalen terhadap Konvensyen Berkenaan Status Pelarian dan Protokol Berkenaan Status Pelarian. Malaysia juga mempunyai populasi pekerja asing yang ramai tetapi tidak menunjukkan komitmen untuk menyetujui Konvensyen Antarabangsa Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga Mereka.

## 2. ILTIZAM NASIONAL

### SKOR PURATA: 4.5

**KELOMPOK KAUM BANGSA | SKOR: 5**

**AGAMA | SKOR: 5**

**MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 3**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan hak dan perlindungan untuk semua warganegara daripada seluruh komuniti. Hak asasi dan kebebasan pula yang digariskan dalam Perkara 1-14 dengan beberapa pengecualian. Ini termasuklah pengiktirafan “kedudukan istimewa” golongan Bumiputera yang merupakan orang Melayu serta Orang Asal, Sabah dan Sarawak dengan memberikan beberapa kelebihan dalam peluang sosioekonomi. Orang Asli, yang merupakan Orang Asal Semenanjung Malaysia tidak dinyatakan dengan jelas dalam Perkara 153 tetapi “perlindungan, kesejahteraan dan pembangunan” mereka ada digariskan dalam Perkara 8.<sup>9</sup>

Perlembagaan Malaysia juga menetapkan agama Islam sebagai “agama bagi Persekutuan” dan membenarkan agama lain dianuti secara “aman dan harmoni” dalam Perkara 3(1).<sup>10</sup> Perlembagaan Malaysia juga menjamin hak setiap orang untuk memilih agama sendiri. Walau bagaimanapun, Perkara 11(4) membenarkan badan perundangan persekutuan atau negeri untuk menggubal undang-undang bagi melarang penyebaran agama lain selain daripada agama Islam.<sup>11</sup> Hal ini dan hal berkaitan peruntukkan istimewa Bumiputera serta

**Dasar kepelbagaian tercipta daripada wawasan dan program yang mencapai imaginasi masyarakat, namun dasar-dasar ini juga terbentuk, dan dibendung oleh situasi politik.**

kepentingan sah komuniti-komuniti lain dalam Perkara 153, dan Perkara 152 berkenaan bahasa kebangsaan dan penggunaan bahasa-bahasa lain, memperlihatkan Malaysia terus melakukan perseimbangan yang rapuh.<sup>12</sup> Golongan rentan ketiadanegara atau golongan yang mengalami isu keterpinggiran sosioekonomi yang akut, secara signifikannya tidak mendapat perlindungan dan mempunyai akses yang terhad kepada keadilan.

Semenjak menyetujui CEDAW, Malaysia telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dan meminda Perlembagaan untuk memasukkan istilah “gender” bagi membendung diskriminasi.<sup>13</sup> Kesaksamaan gender masih belum dimaktubkan secara jelas dalam tadbir urus; walaupun begitu, pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk ke arahnya melalui perundangan dan pemantauan di Parlimen.<sup>14</sup> Bagi hak kanak-kanak, Malaysia telah mengambil langkah ke depan dengan meluluskan Akta Kanak-Kanak 2001 dan menggubal Dasar Kanak-Kanak Negara serta Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak pada tahun 2009. Perlantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak pertama (untuk penggal 2019-2022) dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia merupakan langkah bermakna untuk Malaysia melindungi dan memupuk hak kanak-kanak.

Dasar kepelbagaian tercipta daripada wawasan dan program yang mencapai imaginasi masyarakat, namun dasar-dasar ini juga terbentuk, dan dibendung oleh situasi politik. Dasar kesepakatan dan kesepaduan Malaysia terbentuk daripada konsep Muhibbah (yang membawa maksud kasih mesra dalam bahasa Arab) dan merujuk kepada semangat persahabatan dan keakraban penduduk berbilang bangsa dan terserta dalam slogan “kesepaduan dalam kepelbagaian”. Rukun Negara dikonseptualisasikan melalui rundingan dan diperkukuhkan melalui penghayatannya di dalam sistem persekolahan. Ada beberapa konsep lain yang meninggalkan kesan dalam pemikiran masyarakat tetapi kebanyakan konsep terkait dengan pentadbiran politik semasa. Pada tahun 1991, Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad menggariskan sembilan cabaran strategik negara maju termasuk bangsa Malaysia yang Bersatu, masyarakat yang liberal dan bertoleransi dan keadilan ekonomi. Gagasan 1Malaysia (2009 – 2018) di bawah pimpinan Perdana Menteri Najib Razak bertujuan untuk memupuk kesepakatan negara melalui nilai-nilai penting, seperti penerimaan, meritokrasi dan kesetiaan.<sup>15</sup>

Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang besar sejak dua tahun lalu. Pada bulan Februari 2021, Malaysia memperkenalkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021 – 2030 yang menggariskan 12 strategi seperti mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi, memperkasa jentera perpaduan melalui kerjasama strategik dan memantapkan peranan institusi pendidikan dalam memupuk iltizam perpaduan.<sup>16</sup> Namun, inisiatif ini meninggalkan beberapa elemen penting, terutamanya usul Majlis Konsultatif Perpaduan Negara (NUCC) untuk menggubal undang-undang baru seperti Akta Harmoni bagi membendung ucapan kebencian, pembentukan institusi baru seperti suruhanjaya bebas tentang perpaduan dan mekanisme untuk menangani konflik. Rangka Tindakan Perpaduan Negara tidak menjelaskan keperluan undang-undang dan institusi dalam menangani hal berkenaan perpaduan negara dan mengabaikan Perkara 8 dalam Perlembagaan mengenai kesaksamaan.

Secara keseluruhannya, dinamik keterangkuman dan penyisihan kaum-bangsa dalam undang-undang dan dasar negara tidak banyak beza dengan natijah agama. Namun, iltizam Malaysia terhadap masyarakat rentan, masih tidak mencukupi.

## 3. KEWARGANEGARAAN TERANGKUM

### SKOR PURATA: 4

KELOMPOK KAUM BANGSA | SKOR: 7

AGAMA | SKOR: 6

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 1

**Menjadi warganegara bagi imigran dan pelarian di Malaysia tampak mustahil, manakala untuk pasangan asing bagi warganegara, proses tersebut amat rumit.**

Hal-hal berkenaan kewarganegaraan adalah tertulis dalam Perkara 14-31 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Terdapat tiga jenis kewarganegaraan: melalui kuatkuasa undang-undang, secara pendaftaran dan secara naturalisasi atau masukan. Kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang, secara ringkasnya, adalah setiap warga “Persekutuan” (merangkumi Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak) sebelum 16 September 1963 (Hari Malaysia), dan semua yang dilahirkan di Malaysia pada atau selepas Hari Malaysia di mana salah satu daripada ibubapanya adalah warganegara atau pemaustatin tetap Malaysia. Kewarganegaraan secara pendaftaran adalah untuk pasangan yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia. Dalam Perkara 19, kewarganegaraan secara naturalisasi membenarkan permohonan kewarganegaraan untuk sesiapa bukan warganegara yang berumur 21 tahun ke atas, telah tinggal di Malaysia selama 10 tahun, berkelakuan baik dan boleh berbahasa Melayu.<sup>17</sup>


Peruntukan kewarganegaraan digariskan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan secara terangkum untuk semua kaum-bangsa dan agama dan diaplikasikan sama rata di Semenanjung dan Malaysia Timur. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa komuniti yang disisihkan. Pada zaman sebelum merdeka, komuniti migran diberikan pilihan sama ada untuk menjadikan Malaysia tanah air mereka atau pulang ke negara asal. Menjelang bulan Ogos 1957, kebanyakan imigran Cina dan India telah memutuskan untuk tinggal di Malaysia. Ketika itu, orang bukan Melayu harus menjalani peperiksaan bahasa kebangsaan untuk memastikan mereka boleh berbahasa Melayu. Setiap anak yang lahir oleh mereka secara automatik menjadi warganegara Malaysia. Namun, pendokumenan adalah penting dan surat beranak dan rekod identiti harus disimpan dengan elok. Ramai keluarga India yang tinggal di ladang atau kawasan pendalaman terpaksa menunda pendaftaran sijil beranak dan menyebabkan kesukaran beberapa generasi untuk membuktikan asal-usul mereka. Pelbagai komuniti minoriti Orang Asal di Sabah juga mengharungi masalah yang sama. Suami atau isteri dan anak bukan warganegara juga mengalami kesukaran untuk masuk dan tinggal di Malaysia, mendaftar dan pergi ke sekolah dan mendapatkan pekerjaan.

Masalah ketiadanegaraan di Malaysia serius. Pesuruhjaya Tinggi Pelarian PBB (UNHCR) menyatakan terdapat “sekurang-kurangnya 10,000 orang di Semenanjung Malaysia yang dinafikan kewarganegaraan dan lebih ramai lagi di Malaysia Timur.” Mereka telah dinafikan peluang untuk pendidikan dan kesihatan awam and sukar untuk mendapatkan pekerjaan.<sup>18</sup> Ada beberapa peruntukkan untuk pendaftaran kewarganegaraan untuk bukan warganegara melalui pendaftaran dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu dalam Perkara 15, 15A dan Perkara 16 atau secara naturalisasi di bawah Perkara 19.<sup>19</sup> Tetapi proses tersebut amat mencabar seperti yang boleh dilihat dengan kes ketiadanegaraan bagi mereka yang sudah tinggal di Malaysia selama beberapa dekad. Menjadi warganegara

bagi imigran dan pelarian di Malaysia tampak mustahil, manakala untuk pasangan asing bagi warganegara, proses tersebut amat rumit.

Perlembagaan juga mendiskriminasi pihak wanita dalam hal-hal kewarganegaraan dan hal ini memberi kesan kepada kepelbagaian. Untuk mendaftar sebagai warganegara melalui perkahwinan, Perkara 15 hanya menyatakan hal tersebut untuk isteri kepada warganegara lelaki dan tidak sebaliknya. Diskriminasi gender juga boleh dilihat dengan jelas dalam peruntukkan warganegara bagi anak yang dilahirkan di luar Malaysia oleh wanita warganegara dengan suami bukan warganegara dan tidak sebaliknya. Hanya bapa yang berwarganegara Malaysia yang dibenarkan mendaftar anak yang dilahirkan di luar negara; ibu yang berwarganegara Malaysia tidak diberikan hak yang sama. Pada bulan September 2021, Mahkamah Tinggi telah berpihak kepada Family Frontiers, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (yang telah membuat tuntutan mahkamah terhadap diskriminasi yang tertera dalam perlembagaan) dan enam ibu yang terkesan. Pihak kerajaan yang memohon membatalkan tindakan Family Frontiers dan gagal pada mulanya, telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan ini dan menukar keputusan. Family Frontiers dan enam ibu yang membawa kes telah memohon untuk membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan. Titik temu ketaksamaan gender adalah paling ketara dalam konteks kewarganegaraan dan merupakan faktor terbesar kepada skor yang diberikan di sini.

# BAHAGIAN II. AMALAN



## 4. PELAKSANAAN DASAR

### SKOR PURATA: 7

KELOMPOK KAUM BANGSA | SKOR: 7

AGAMA | SKOR: 7

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 7

**Walaupun institusi dan struktur pentadbiran telah berubah dan berjaya menyesuaikan diri dari semasa ke semasa, Malaysia telah menggalakkan toleransi, keterangkuman dan pluralisme dengan konsistensi yang ketara merentasi pelbagai dimensi kepelbagaian dan konflik antara kelompok.**

Dasar Malaysia berkenaan perpaduan dan pluralisme telah diletakkan di bawah rubrik “perpaduan nasional”. Ini menetapkan skop usaha yang akan dilancarkan bagi mencapai objektif-objektif tersebut.

Jabatan Perpaduan Negara yang menguruskan perpaduan negara terbentuk pada tahun 1969 dan kemudiannya diubah menjadi Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 1972. Dari tahun 1980 sehingga 2018, tanggungjawab tersebut diletakkan di bawah kuatkuasa Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2020, jabatan ini kembali menjadi sebuah Kementerian.

Kewujudan agensi-agensi kerajaan ini telah bertahun lama berganding bahu dengan agenda pilihan bersama dibawah naungan Pejabat Perdana Menteri bukan saja memaparkan komitmen di kalangan subordinat, jabatan-jabatan yang mana berasaskan perpaduan nasional dan pendedahan kepada status politik nasional. Di kalangan institusi kerajaan atau berkanun, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (dikenali dengan akronim Melayunya SUHAKAM) telah menonjol sebagai suara kesederhanaan, keterangkuman dan keadilan, walaupun peranannya sebagai penasihat mengehendkan kesannya. Walaupun institusi dan struktur pentadbiran telah berubah dan berjaya menyesuaikan diri dari semasa ke semasa, Malaysia telah menggalakkan toleransi, keterangkuman dan pluralisme dengan konsistensi yang ketara merentasi pelbagai dimensi kepelbagaian dan konflik antara kelompok. Namun begitu, kelemahan dalam amalan selalunya berpunca daripada skop perundangan atau komitmen dasar yang terhad.

Untuk meningkatkan kapasiti institusi, dan sebagai hasil advokasi oleh ahli akademik dan masyarakat sivil, dokumen NUCC mencadangkan penubuhan suruhanjaya perpaduan bebas dan mekanisme pengantaraan komuniti dengan peruntukan perundangan yang mencukupi. Walaupun Kementerian Perpaduan Negara telah aktif dalam menggalakkan perpaduan nasional dan perpaduan sosial, ianya lemah dalam menangani detik-detik konflik dan ketegangan. Kekurangan mekanisme bebas untuk menangani ucapan kebencian, perebutan antara etnik atau agama, dan untuk memantau ucapan ahli politik, pemimpin agama dan aktivis awam terhadap ekstremisme perkauman atau retorik menghasut yang merosakkan konsensus masyarakat.

Pengalaman hidup berbeza semua komuniti berkenaan kesaksamaan, memberi kesan besar terhadap persepsi tentang penerimaan dan penyisihan. Warganegara kelahiran Malaysia daripada kumpulan minoriti telah dihina berulang kali sebagai “pendatang”, dan pelarian dan pekerja asing sering menjadi sasaran ucapan kebencian xenofobia.<sup>20</sup> Seksyen 298A Kanun Keseksaan menetapkan bahawa ianya adalah jenayah untuk mencetuskan ketidakharmonian, perpecahan dan permusuhan atas alasan agama atau perkauman, tetapi rangka kerja dan mekanisme penguatkuasaan belum lagi dibangunkan.<sup>21</sup> Kurangnya

perbincangan nasional mengenai kesopanan dan kesantunan dalam wacana awam, dan ketiadaan undang-undang khusus yang mengawasi ucapan kebencian atau hasutan permusuhan, menambahkan lagi ketidakberkesanan Malaysia dalam menyekat retorik yang boleh memecahbelahkan dan berniat jahat. Kertas kerja cadangan untuk Akta Keharmonian Negara oleh NUCC pada 2015 tidak menjadi suatu kenyataan.<sup>22</sup>

Hal ehwal keagamaan di negara Malaysia ditadbir di peringkat persekutuan dan negeri. Sumber dan kuasa institusi yang mengawasi kebajikan agama Islam jauh melebihi agama lain, terutamanya dengan Jabatan Agama Islam. Institusi yang ditubuhkan secara bebas di setiap negeri dan wilayah persekutuan ini, lazimnya terdiri daripada Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam dan sistem mahkamah Syariah.

Melihat kepada kes Sabah dan Sarawak, terutamanya berkaitan penduduk Orang Asal, kerajaan negeri memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan sosio-ekonomi dan perlindungan hak mereka. Terdapat juga seorang menteri persekutuan di Jabatan Perdana Menteri yang menyelia hal ehwal Orang Asli Malaysia Timur. Agensi persekutuan yang ditetapkan juga menjaga kesejahteraan masyarakat India dan Orang Asli, masing-masing terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Namun begitu, terdapat juga rasa ketidakpuasan yang berterusan terhadap kerajaan persekutuan, yang sering dianggap sebagai terlalu mementingkan Semenanjung.<sup>23</sup> Isu-isu tidak dapat diselesaikan yang timbul daripada ketiadanegaraan menggarisi persepsi sedemikian. Berkenaan dengan pekerja migran dan masalah berkaitan pemerdagangan manusia, Malaysia tidak mempunyai perancangan strategik dan tindakan yang diselaraskan sejak 1990-an apabila imigresen besar-besaran bermula. Sejak kebelakangan ini negara telah menyaksikan pelancaran tiga Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Antipemerdagangan Orang (secara kumulatif menjangkau 2011–25) dan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Buruh Paksa (2021–25). Kejayaan negara dalam menangani masalah ini masih bergantung kepada pelaksanaan yang berkesan dan berterusan.

## 5. PENGUMPULAN DATA

### SKOR PURATA: 4.5

**KELOMPOK KAUM BANGSA | SKOR: 6**

**AGAMA | SKOR: 4**

**MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 3**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menjalankan bancian dan tinjauan nasional terhadap isi rumah, individu, perniagaan dan entiti lain. DOSM mengekalkan repositori besar data demografi, ekonomi dan sosial. Jabatan kerajaan dan badan berkanun juga mengekalkan pendaftaran atau individu tertentu di bawah bidang kuasa mereka dan kadangkala menjalankan tinjauan secara ad hoc. DOSM kerap menerbitkan laporan penemuan tinjauan ini, yang kebanyakannya percuma untuk dimuat turun dalam talian.



**Kerajaan komited terhadap prinsip data terbuka dan untuk menerbitkan ringkasan statistik, tetapi akses kepada data mentah masih terhad, terutamanya untuk data berkaitan masalah ketaksamaan dan penyisihan.**

Walau bagaimanapun, mikrodata untuk penyelidik menjalankan analisis mereka sendiri secara amnya agak sukar diperolehi.

Sebuah semakan oleh Pelapor Istimewa Bangsa Bersatu (SP) dalam bidang hak budaya telah memberikan pencerahan yang membantu. Pada tahun 2017, kerajaan Malaysia telah menjemput SP untuk datang ke negara dengan tujuan “untuk mengenalpasti, dalam semangat kerjasama dan dialog konstruktif, amalan baik dalam, dan kemungkinan cabaran kepada, promosi dan perlindungan hak budaya di Malaysia.”<sup>69</sup> Penemuan SP tersebut menyatakan bahawa terdapat komitmen general dalam mempromosikan kepelbagaian budaya di Malaysia daripada perspektif pentadbiran. Namun begitu, terdapat beberapa isu yang berpusat kepada “tanggapan keterangkuman sama rata budaya, agama dan tradisi Malaysia” dan ke atas tanggapan “yang lain-lain” sesetengah budaya. Ini termasuk juga hak berterusan Bumiputera yang menyebabkan kewujudan kategori “yang lain-lain” bagi mereka yang bukan daripada golongan tersebut, perhatian yang kurang kepada akses budaya orang-kurang-upaya dan impak diskriminasi terhadap amalan sosio-budaya yang memberikan layanan berbeza kepada wanita dan lelaki.<sup>70</sup> Kerajaan juga telah memberitahu SP bahawa dasar tersebut sedang dipinda untuk dimasukkan kepada dalam Agenda Global untuk Pembangunan Mampan 2030, yang dijangka telah mengambil kira isu ketaksamaan untuk berbagai sasaran (dalam matlamat pembangunan mampan 4, 5, 10, 11 dan 16). Namun begitu, pemimpin masyarakat sivil telah menyatakan bahawa mereka tidak diberitahu berkenaan proses pindaan tersebut. Pada bulan April 2021, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengumumkan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan 2021 akan dilancarkan dalam tahun yang sama. Tiada maklumat lain berkenaan pelancaran tersebut boleh didapati.

# 15. AKSES KEPADA KEADILAN

## SKOR PURATA: 5

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 7

AGAMA | SKOR: 5

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 3

**Pluralisme dalam sistem perundangan telah membuahkan beberapa kekeliruan dalam undang-undang peribadi dan keluarga dan selalunya mempunyai impak negatif terhadap keadilan kepada wanita.**

Sistem perundangan Malaysia dari sudut sejarah dan perlembagaan adalah plural. Keunikan perundangan pluralisme wujud dalam beberapa bentuk perundangan yang berbeza seperti undang-undang peribadi orang Islam, orang-orang beragama lain dan orang Asal Sabah dan Sarawak. Bagi yang bukan beragama Islam, tidak termasuk orang Asal Sabah dan Sarawak, perkahwinan dan hal-hal berkaitan dikawal selia oleh undang-undang persekutuan manakala hal-hal yang sama untuk orang Islam dan penduduk Malaysia Timur dikawal oleh undang-undang negeri di mana setiap negeri mempunyai bidang kuasa bebas. Pemisahan pentadbiran keadilan Islam di antara negeri bermaksud setiap perubahan undang-undang memerlukan rundingan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dan di antara negeri-negeri.<sup>71</sup> Hukum adat dikuatkuasakan kepada orang Asal Sabah dan Sarawak dalam hal-hal berkaitan perkahwinan dan adat istiadat.<sup>72</sup>

Pluralisme dalam sistem perundangan telah membuahkan beberapa kekeliruan dalam undang-undang peribadi dan keluarga dan selalunya mempunyai impak negatif terhadap keadilan kepada wanita. Dalam penukaran agama kepada Islam oleh salah seorang pasangan kerana perkahwinan, penerapan eksklusif Syariah kepada orang Islam adalah membenarkan pasangan yang menukar agama kepada Islam untuk mengingkari tanggungjawab dalam perkahwinan, manakala pasangan yang tidak menukar tidak boleh mendapatkan hak di mahkamah Syariah; tambahan lagi, mahkamah biasa (undang-undang peribadi untuk orang bukan Islam) tidak boleh menerima bidang kuasa untuk kes berkaitan pasangan yang telah menukar agama. Penukaran unilateral untuk kanak-kanak bawah umur- oleh salah seorang atau kedua-dua ibu bapa- telah berlaku. Ini mungkin boleh menjadi satu masalah apabila salah seorang ibu atau bapa bukan Islam boleh kehilangan hak penjagaan anak. Menurut Perkara 12(3), Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa: "Tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara sembahyang sesuatu agama" selain agamanya sendiri.<sup>73</sup> Dalam Perkara 12(4), perlembagaan menyatakan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaga.<sup>74</sup> Penggunaan ayat tunggal "ibu atau bapa" bermaksud jika salah seorang ibu atau bapa membuat keputusan di atas agama anaknya, konflik boleh terjadi jika ibu atau bapa yang satu lagi tidak bersetuju di atas keputusan tersebut. Pada tahun 2018, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan kehakiman ke atas tafsiran Perkara 12(4) dalam kes Indira Gandhi a/p Mutho lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Yang Lain. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa, tafsiran di atas perkata ke-11 dalam Perlembagaan, "ibu bapa" merangkumi maksud tunggal atau kedua-duannya sekali, terutamanya apabila kedua-dua ibu bapa masih hidup. Dengan itu, adalah salah bagi salah seorang ibu bapa untuk membuat keputusan di atas penukaran agama anaknya yang bawah umur. Tambahan lagi, mahkamah telah menekankan bahawa ibu bapa dengan hak penjagaan (di dalam kes ini, si plaintif) seharusnya mendapatkan hak yang sama, jika tidak lebih, ke atas

**Hak peribumi, terutamanya berkenaan tanah untuk golongan orang Asal dan pengiktirafan adat tanah dan sejarah lisan, telah bertahun dipertandingkan, tetapi masih mengalami pertempuran berterusan dengan pencerobohan komersial.**


anak tersebut. Walaupun begitu, pihak berkuasa negeri dalam hal agama Islam terus menggalakkan penukaran unilateral ke atas kanak-kanak oleh salah seorang ibu bapa. Dalam sebuah kes pada tahun 2019, seorang bapa telah menukar agama kelima-lima anaknya kepada Islam tanpa pengetahuan bekas isterinya, X. X memohon semakan kehakiman ke atas Majlis Agama Islam Selangor kerana telah mendaftarkan penukaran tersebut, dan Mahkamah Tinggi telah memberikan kebenaran. Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan ini selepas rayuan dan merujuk kepada kes Indira Gandhi sebagai duluan yang mengikat.<sup>75</sup>

Dalam laporan tahun 2019, SP dalam bidang hak budaya, telah menekankan impak perundangan plural dan sistem-sistem kehakiman, khususnya terhadap wanita dan kanak-kanak. Namun begitu, laporan tersebut juga telah membuat nota bahawa “keseimbangan yang adil di antara kesaksamaan gender dan dengan mengambil kira identiti budaya dan agama” mempunyai kemungkinan besar kerana secara keseluruhannya, sistem perundangan membenarkan perlembagaan dipinda dan, secara prinsipnya, melarang “dehumanisasi, penganiayaan maruah atau kecederaan kesejahteraan wanita secara fizikal ataupun mental.”

Akses kepada keadilan bergantung kepada isu-isu yang berbangkit ataupun individu yang meminta bantuan undang-undang. Hak peribumi, terutamanya berkenaan tanah untuk golongan orang Asal dan pengiktirafan adat tanah dan sejarah lisan, telah bertahun dipertandingkan, tetapi masih mengalami pertempuran berterusan dengan pencerobohan komersial.<sup>76</sup> Untuk pekerja migran, mendapatkan keadilan menentang majikan yang kesat amat sukar. Sebuah kajian baru-baru ini telah menekankan cabaran besar dalam mendapatkan perkhidmatan bantuan undang-undang untuk golongan rentan bukan warganegara.<sup>77</sup>

Selain badan kehakiman, SUHAKAM, selama 20 tahun, telah memainkan peranan besar dalam mempromosikan hak dan keadilan. SUHAKAM telah menyelia 20 pertanyaan umum berkenaan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia, seperti kekerasan berlebihan oleh pihak polis sewaktu perhimpunan awam, penangkapan dan penahanan, kematian dalam tahanan dan, yang terbaru, berkaitan kehilangan secara paksa (*enforced disappearance*). Signifikan terbesar adalah Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal di Malaysia. Namun, impak sumbangan SUHAKAM telah disekat oleh sikap acuh tidak acuh kerajaan. Daripada 20 laporan tahunan yang telah diterbitkan, hanya laporan pada bulan November 2019 telah dibentangkan di Parlimen.<sup>78</sup>

# **BAHAGIAN V. HUBUNGAN DAN RASA KEPUNYAAN ANTARA KELOMPOK**



## 16. KEGANASAN ANTARA KELOMPOK

### SKOR PURATA: 7

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 7

AGAMA | SKOR: 7

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 7

**Keganasan antara kelompok berdasarkan kaum, agama dan warganegara jarang berlaku tetapi tetap terjadi beberapa kali semenjak kemerdekaan.**

Keganasan antara kelompok berdasarkan kaum, agama dan warganegara jarang berlaku tetapi tetap terjadi beberapa kali semenjak kemerdekaan. Keganasan yang paling signifikan dalam sejarah Malaysia adalah tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969, yang membentuk undang-undang dan langkah-langkah eksekutif bagi membendung keganasan yang sama terjadi di masa hadapan.

Konflik Kampung Medan yang berlaku pada tahun 2001 menyebabkan kematian enam orang dan kecederaan kepada 40 yang lain adalah satu titik hitam terhadap hubungan kaum di antara komuniti orang Melayu dan orang India. Satu lagi cara untuk mengenal pasti punca keganasan di antara kaum dalam rentas masa adalah dengan melihat kes-kes berulang – dalam kes ini, konflik komuniti India dan Melayu yang telah tercetus akibat pemusnahan kuil-kuil Hindu atau isu berkenaan amalan agama komuniti India. Melalui pemerhatian ini, tiga kejadian telah dikenal pasti:

- Kuil Kerling (1978): Cubaan untuk meroboh kuil mengakibatkan tumpahan darah dan kematian empat orang.
- Kuil Hindu Sri Maha Mariamman (2009): Penempatan semula kuil dan provokasi daripada kumpulan ekstremis Melayu-Islam termasuklah pemaparan kepala lembu yang telah disembelih. Insiden ini tidak mencetuskan keganasan fizikal tetapi mendapat bantahan kuat daripada orang ramai.
- Kuil Sri Maha Mariamman Seafield (2018): Didakwa terjadi kerana sekumpulan orang Melayu yang diupah pemilik tanah untuk menakut-nakutkan penganut kuil dan memaksa mereka meninggalkan premis. Di dalam keadaan yang huru-hara, seorang bomba Melayu telah tercedera dan meninggal di hospital, menyemarakkan permusuhan.

Terdapat beberapa lagi situasi keganasan yang berlapis kaum dan agama semenjak beberapa tahun ini. Pada tahun 2015, satu kes curi telah menjadi kes perkauman dan menyebabkan pergaduhan di pusat membeli-belah yang menjual gajet teknologi. Seorang belia Melayu telah mencuri telefon bimbit di sebuah kedai yang dijaga oleh pekerja Cina yang berjaya menahannya. Khabar angin mengatakan bahawa belia tersebut telah ditipu orang pekerja Cina tadi. Ini menyebabkan beberapa kumpulan orang Melayu untuk pergi ke pusat beli-belah dan mencederakan pekerja tersebut. Mereka telah mencederakan dan membuat beberapa komen perkauman terhadap beberapa orang lain di dalam kedai itu, termasuklah seorang wartawan daripada China Press. Pada tahun 2016, satu mesej Whatsapp mengancam penyokong-penyokong Cina perhimpunan Bersih. Mesej tersebut memberikan amaran kepada orang Cina untuk berjaga-jaga jika mengikuti perhimpunan

Bersih kerana mereka mungkin akan “basuh” mereka. Mesej tersebut memasukkan sebuah gambar parang dan seseorang tanpa kepala yang memakai T-shirt Bersih.

Pada tahun 2019, IPSOS Malaysia mendapat bahawa 67 peratus warga Malaysia risaukan persepaduan dan keselamatan nasional, terutamanya berkenaan kemungkinan percetus keganasan konflik antara kaum. Kebimbangan ini meningkat kepada 12 peratus daripada tahun 2018. Namun begitu, pada masa yang sama, majoriti warga Malaysia (61 peratus) yakin bahawa kerajaan boleh memberikan sekuriti dan perlindungan yang cukup jika keganasan seperti itu berlaku.<sup>79</sup>

## 17. KEPERCAYAAN ANTARA KELOMPOK SKOR PURATA: 6.5

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 7

AGAMA | SKOR: 7

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 5

Kepercayaan sukar untuk diukur, tetapi terdapat beberapa sumber yang menunjukkan bagaimana setiap kelompok memandang satu sama lain. Al-Ramiah, Hewstong and Wölfer melihat pandangan Semenanjung Malaysia terhadap “kelompok-dalaman” (identiti kaum dan agama mereka) adalah lebih baik, berbanding sebaliknya: “kelompok-luaran.”<sup>80</sup> Responden mempunyai sikap yang lebih baik terhadap rakan-rakan daripada kelompok-dalaman berbanding kelompok-luaran. Namun begitu, kajian juga telah mendapat bahawa tahap kebimbangan antara kelompok terhadap kelompok-luaran adalah rendah untuk ketiga-tiga kelompok kaum. Kajian terhadap hubungan interpersonal Merdeka Center pada tahun 2015 melaporkan bahawa perjumpaan warga Malaysia “agak kerap” bersama orang daripada kaum yang berbeza.<sup>81</sup> Kualiti setiap interaksi adalah berbangkit. Dua tinjauan besar ini menggariskan kepentingan dan skop promosi hubungan antara kaum yang positif, yang boleh dipupuk untuk merubah sikap semua kelompok kaum dan menyumbang kepada hubungan kaum yang lebih membina.<sup>82</sup> Penemuan kajian seperti ini harus diambil dengan berhati-hati; jawapan tinjauan mungkin mempunyai retorik politik dan penyesuaian sosial yang lebih berbalah daripada hubungan interpersonal yang dihayati.

Kepercayaan antara kelompok terikat kepada persepsi hubungan di antara kelompok. Tinjauan Merdeka Center (2015) mendapati bahawa majoriti warga Malaysia percaya akan keharmonian negara, dengan 75 peratus mengukur kadar keharmonian kaum sebagai “baik” atau “sangat baik” dan 90 peratus melaporkan tidak pernah melihat kejadian perselisihan kaum atau agama.<sup>83</sup> 13 peratus percaya bahawa hubungan kaum “masih sama,” dan hanya 6 peratus memilih “teruk”. Pada masa yang sama, tahap keterbukaan dalam interaksi dengan atau penerimaan kaum lain berbeza mengikut konteks ekonomi atau politik. Kedudukan kuasa selalunya dilihat dengan lensa kaum. Tinjauan ini melaporkan bahawa orang Melayu kebanyakannya masih tidak bersedia untuk menerima orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri, tetapi selesa dengan orang bukan Melayu sebagai jiran, rakan sekolah, rakan kongsi perniagaan dan doktor.

**Secara amnya, kepercayaan di antara kelompok agama juga agak ketara. Pada tahun 2021, melaporkan bahawa tiga suku warga Malaysia mempercayai orang daripada agama yang berbeza.**

Pada tahun 2021, IPSOS memberikan pencerahan tentang keselesaan warga Malaysia dengan orang berlainan kaum atau agama, terutamanya dalam hubungan penyeliaan di beberapa hierarki tempat kerja melalui Tinjauan Persepsi Pluralism oleh Pusat Pluralisme Global.<sup>84</sup> Sebahagian besar daripada semua kelompok (terutamanya, 83 peratus orang Melayu, 84 peratus Bumiputera bukan Melayu dan 92 peratus orang Cina dan India) mengisytiharkan berasa selesa dengan penyelia daripada bangsa atau kaum yang berbeza. Soalan yang sama di tanya dalam ukuran agama dan 89 orang Islam, 90 peratus orang agama Buddha dan 84 peratus orang Kristian selesa dengan penyelia yang mempunyai agama berbeza.

Secara amnya, kepercayaan di antara kelompok agama juga agak ketara. Pada tahun 2021, Tinjauan Persepsi Pluralisme melaporkan bahawa tiga suku warga Malaysia mempercayai orang daripada agama yang berbeza.<sup>85</sup> Namun tetapi, Al-Ramiah, Hewstone dan Wölfer mendapati bahawa perwatakan positif terhadap kelompok-dalam dan kelompok-luaran lebih besar di kalangan orang Islam – 90 peratus daripada mereka melihat sesama Islam lebih positif daripada 35-40 peratus orang daripada agama yang lain.<sup>86</sup> Di kalangan penganut Buddha dan Hindu, agama lain dengan sampel yang mencukupi, jurang adalah lebih kecil (70 peratus mempunyai pandangan yang positif terhadap orang daripada agama mereka sendiri, 45-55 peratus pandangan positif terhadap orang daripada agama yang berlainan). Semua agama melaporkan kurang mengalami pengalaman peribadi yang negatif dalam interaksi antara kaum dan agama. Sesungguhnya, orang Islam melaporkan interaksi negatif yang paling kurang, menyebabkan dampak yang mendalam berkaitan agama yang lain.

Sikap waspada Malaysia Timur terhadap Semenanjung Malaysia mungkin boleh menjelaskan kekurangan kepercayaan, terutamanya di antara golongan Bumiputera bukan Melayu dengan orang Melayu. Responden Bumiputera bukan Melayu mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap Orang Asal (81 peratus), tetapi hanya 60 peratus berasa orang Melayu boleh dipercayai. Sikap terhadap imigran tidak begitu positif. Daripada semua responden, hanya 46 peratus berasa imigran boleh dipercayai. Kepercayaan golongan rentan terhadap warga Malaysia secara bersemuka sebagai berbeza daripada kerajaan dan pihak berkuasa susah untuk diukur. Tanggapannya, sentimen mereka mungkin lebih baik kerana CSO telah memenuhi ruang jurang dalam perkhidmatan sosial dan pekerjaan yang terbentuk oleh dasar-dasar rasmi.

Isu-isu yang menunjukkan ketidakpercayaan di antara kelompok masih menonjol. Banyak kejadian utama petunjuk ini dilaporkan dalam dokumen tahunan KOMAS berkaitan diskriminasi kaum. Pada tahun 2020, seorang ahli legislatif daripada konstituen bandar di Selangor telah menghantar memorandum kepada pengurusan Jaya Grocer meminta mereka menutup seksyen minuman keras tidak halal di pasaraya tersebut. Ahli legislatif menyatakan bahawa seksyen tersebut menyinggung perasaan pelanggan Islam yang merupakan majoriti kawasan setempat. Pengurusan Jaya Grocer telah mematuhi memorandum tersebut dan menutup seksyen minuman keras. Namun begitu, keputusan ini telah menerima teguran daripada beberapa orang bukan Islam yang berasakan hak orang bukan Islam tidak diambil kira dalam hal ini.<sup>87</sup> Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan cadangan untuk menjadikan khat sebagai salah satu subjek wajib kepada semua pelajar sekolah rendah darjah empat. Dong Zong, sebuah kumpulan pendidikan Cina, telah membantah dan mengusul bahawa kerajaan sedang membuat percubaan untuk proses “pengislaman” menerusi sistem persekolahan. Kerajaan telah menarik balik cadangan tersebut dengan menjadikan subjek tersebut



sebagai tidak diwajibkan. Namun begitu, akibat daripada kejadian ini, ahli-ahli politik Melayu-Islam telah mengkritik orang Cina secara terbuka dan menghina mereka kerana tidak bersyukur dengan tempat tinggal yang telah diberikan kepada mereka oleh orang Melayu.<sup>88</sup>

## 18. KEPERCAYAAN KEPADA INSTITUSI

### SKOR PURATA: 4.5

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 5

AGAMA | SKOR: 4

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 4

**Tinjauan menunjukkan bahawa orang Melayu lebih cenderung berasa terlindung dan dilayan dengan baik berbanding orang Cina dan India.**

Soal kepercayaan warga Malaysia terhadap institusi, kompleks. Pada pilihan raya tahun 2018, peratusan keluar mengundi adalah tinggi sebanyak 83 peratus (daripada pengundi yang berdaftar). Kadar penyertaan yang ini boleh dilihat dalam setiap kelompok kaum-bangsa. Namun begitu, tinjauan pendapat menunjukkan persepsi yang berbeza terhadap keberkesanan demokrasi. Pada tahun 2021, Tinjauan Persepsi Pluralisme mendapati bahawa tiga suku orang Melayu dan Bumiputera lain bersetuju dengan kenyataan “demokrasi berfungsi dengan baik” berbanding dengan dua perlima responden Cina dan India.<sup>89</sup>

Kepercayaan wujud daripada persepsi setiap kelompok berkenaan tahap perwakilan mereka dalam pentadbiran dan dasar. Tinjauan menunjukkan bahawa orang Melayu lebih cenderung berasa terlindung dan dilayan dengan baik berbanding orang Cina dan India. Al-Ramiah, Hewstone dan Wölfer mendapati lebih banyak orang Melayu daripada orang Cina dan India yang percaya bahawa kepentingan kelompok mereka dilindungi oleh kerajaan dan berpandangan bahawa dasar ekonomi sedia ada adalah adil.<sup>90</sup> Satu isu besar dalam konteks ini adalah perwakilan yang berlebihan oleh orang Melayu dalam sektor awam dan dominasi dalam komuniti, terutamanya di kedudukan pentadbiran tinggi. Menurut tinjauan juga, responden Cina mempunyai kecenderungan untuk berpindah ke negara lain.

Kajian yang membezakan pertalian agama lebih terhad, tetapi kita boleh mengambil sedikit pandangan daripada tinjauan Merdeka Center pada tahun 2015.<sup>91</sup> Tinjauan ini mendapati bahawa terhadap perbezaan persepsi oleh setiap kelompok berkenaan keadilan dalam sistem ekonomi, terutamanya dalam hal pemberian peluang untuk berjaya. Tambahan lagi, kebanyakan orang Bumiputera beragama Islam berasa sistem itu adil dan hanya satu per tiga orang Bumiputera bukan Islam yang memegang pandangan yang sama, dengan beberapa majoriti yang berasa sistem tersebut tidak adil. Pandangan adil/tidak adil boleh dikategorikan mengikut pembahagian orang Bumiputera Islam (48 peratus, 42 peratus), orang Bumiputera bukan Islam (33 peratus, 58 peratus), orang Melayu (46 peratus, 46 peratus), orang Cina (9 peratus, 85 peratus) dan orang India (29 peratus, 67 peratus). Kita harus menekankan bahawa pandangan awam adalah konteks-khusus dan sensitif masa. Walaubagaimanapun, jurang perbezaan antara kelompok tetap wujud, walaupun magnitude berbeza-beza.

**Orang Islam yakin sistem perundangan yang merangkumi mahkamah-mahkamah Islam, dan alat keagamaan rasmi boleh melindungi kepentingan mereka, berbeza dengan pegangan agama-agama lain yang mempunyai alasan yang kurang untuk meletakkan kepercayaan mereka terhadap institusi awam.**

Tinjauan Persepsi Pluralisme menyiasat lebih dalam tentang tahap “kepercayaan” warga Malaysia kepada institusi.<sup>92</sup> Dalam hal berkaitan polis dan penguatkuasaan undang-undang secara “adil dan saksama,” terdapat perbezaan yang besar oleh orang Melayu dan Bumiputera lain (79 peratus dan 76 peratus), berbanding dengan orang Cina dan India dengan hanya 54 peratus. Hal yang sama berlaku dalam soal kesaksamaan dan keadilan dalam sistem keadilan. Namun begitu, terdapat kepercayaan yang kuat secara keseluruhannya dan jurang yang kecil terhadap keupayaan sistem kesihatan untuk melindungi pesakit-pesakit sewaktu krisis kesihatan dengan 87 peratus orang Melayu, 85 peratus Bumiputera lain, dan 70 peratus orang Cina dan India yang menyatakan perspektif sedemikian.

Kurangnya kepercayaan terhadap polis mengungkap sejarah yang lama. Laporan tahun 2005 oleh Suruhanjaya Diraja Untuk Meningkatkan Operasi dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyatakan bahawa penyalahgunaan kuasa dan rasuah adalah isu yang berleluasa.<sup>93</sup> Suruhanjaya telah mencadangkan beberapa siri pembaharuan termasuklah menubuhkan sebuah suruhanjaya aduan terhadap polis yang bebas, di mana, sehingga ke hari ini, kerajaan masih gagal untuk tubuhkan walaupun terdapat beberapa cubaan dan panggilan berterusan daripada masyarakat sivil. Kes-kes kematian dalam tahanan polis yang berulang dan kes-kes kehilangan secara paksaan yang masih berlaku, di mana dalam penyiasatan yang dilakukan oleh SUHAKAM merumuskan bahawa pihak polis adalah bertanggungjawab, menggarisi krisis kepercayaan ini.

Dalam persoalan ini, Tinjauan Persepsi Pluralisme mendapat corak selari di antara Islam dengan agama-agama lain. Perkadaran ini sejajar rapat. Orang Islam menyatakan kepercayaan yang lebih terhadap pihak polis dan sistem keadilan berbanding penganut Buddha dan Kristian. Kesan tersendiri identiti kaum-bangsa dengan identiti agama sukar untuk dipastikan kerana penumpuan identiti Melayu dan Islam. Ia memadai untuk melakar motivasi munasabah pegangan agama bagi melihat perbezaan tahap kepercayaan. Orang Islam yakin sistem perundangan yang merangkumi mahkamah-mahkamah Islam, dan alat keagamaan rasmi boleh melindungi kepentingan mereka, berbeza dengan pegangan agama-agama lain yang mempunyai alasan yang kurang untuk meletakkan kepercayaan mereka terhadap institusi awam.

Kami tidak mendapati perbezaan yang besar dalam kepercayaan terhadap institusi di antara Timur-Barat. Orang Sarawak, tampak lebih mempercayai institusi bukan partisan, seperti suruhanjaya pilihan raya.<sup>94</sup> Tinjauan Persepsi Pluralisme tidak menjumpai perbezaan signifikan di antara responden Timur dan Semenanjung Malaysia serta serantau lain dalam kepercayaan yang diletakkan kepada pihak polis, sistem keadilan dan sistem kesihatan.<sup>95</sup>

# 19. KETERANGKUMAN DAN PENERIMAAN

## SKOR PURATA: 4.5

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 5

AGAMA | SKOR: 5

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 4

**Kemesraan di antara kelompok wujud, tetapi toleransi dan keamanan dalam hidup bersama tidak semestinya membuahkan persahabatan dan integrasi.**

Penilaian kami melihat kepada tinjauan yang memberikan informasi tentang interaksi, sikap dan persepsi kelompok Malaysia, dan pemerhatian hasil sosio-ekonomi, terutamanya kejadian yang membendung keterangkuman, saling menghormati dan penerimaan. Kemesraan di antara kelompok wujud, tetapi toleransi dan keamanan dalam hidup bersama tidak semestinya membuahkan persahabatan dan integrasi. Al-Ramiah, Hewston dan Wölfer mendapati bahawa Semenanjung Malaysia jarang mempunyai “rakan baik” daripada kaum yang berbeza.<sup>96</sup> Warga Malaysia selalu menyatakan toleransi dan penghargaan terhadap kepelbagaian kaum-bangsa dan agama, dan pada masa yang sama mengekalkan perbezaan pandangan terhadap amalan dan institusi yang memberikan impak kepada integrasi nasional. Kebanyakan responden Al-Ramiah, Hewston dan Wölfer menyokong kepelbagaian dalam ruang kediaman dengan 60 peratus orang Melayu, 70 peratus orang Cina dan 78 orang India bersetuju untuk membentuk keajiranan yang lebih majmuk.<sup>97</sup>

Pada tahun 2012, Husin, Malek dan Gapor mendapati bahawa dalam kawasan perumahan dalam bandar, responden dapat mengenalpasti agama dan kaum jiran mereka, dan lebih daripada 75 peratus melaporkan mempunyai interaksi, dan menerima jempoutan daripada jiran mereka yang berbeza kaum.<sup>98</sup> Lebih kurang dua per tiga daripada responden telah menunjukkan penerimaan terhadap amalan budaya dan agama jiran mereka. Namun begitu, sebuah lagi kajian pada tahun 2012 mengenai ramalan diskriminasi kaum dan agama di kalangan orang Melayu dan Cina mendapati bahawa orang Melayu mempamerkan diskriminasi yang lebih tinggi berbanding orang Cina dalam keinginan mereka untuk mempunyai jiran yang berbeza bangsa dan agama.<sup>99</sup>

Tindakan afirmatif dan aliran pendidikan Malaysia yang berbagai merupakan antara isu menonjol dalam polarisasi kelompok dan perbalahan dasar. Al-Ramiah, Hewston dan Wölfer melaporkan “tahap keselesaan” yang tinggi terhadap orang Melayu dalam mendapatkan keistimewaan istimewa di kalangan orang Melayu (purata 4 dalam skala 1-5) berbanding orang Cina dan India, yang mempunyai purata lebih dekat dengan 2.<sup>100</sup> Serupa dengan tahun 2010 dan 2022, Merdeka Center mendapati sokongan luar biasa Melayu/Bumiputera terhadap penerusan “hak istimewa” kerana status mereka sebagai “penduduk asal.”<sup>101</sup> Komuniti kaum-bangsa tertumpu di sekolah rendah kebangsaan berbahasa Malaysia, atau sekolah vernakular bahasa Cina atau Tamil. Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia melaporkan bahawa 97 peratus pelajar Bumiputera dan 96 peratus pelajar Cina mendaftar di sekolah kebangsaan dan sekolah vernakular Cina.<sup>102</sup> Pandangan adalah selari dengan kaum: hanya 20 peratus orang Cina bersetuju dengan penutupan pendidikan vernakular, berbanding 47 peratus orang India dan 60 peratus orang Melayu. Setiap kelompok menerima kadar pendaftaran yang tinggi, dan sekolah vernakular mewakili warisan kepelbagaian budaya and bahasa, namun Malaysia harus terus berunding dengan kerumitan keselarian aliran pendidikan.

**Walaupun persepsi dan pengalaman diskriminasi membentuk penghayatan keterangkuman Malaysia, keduanya merupakan isu yang paling mencabar untuk disiasat.**

Walaupun persepsi dan pengalaman diskriminasi membentuk penghayatan keterangkuman Malaysia, keduanya merupakan isu yang paling mencabar untuk disiasat. Penilaian peribadi pengalaman diskriminasi tampak lebih daripada pengalaman sendiri. Menurut kajian Al-Ramiah, Hewstone dan Wölfer, lebih kurang separuh (46 peratus) responden Melayu berasa bangsa mereka mengalami diskriminasi, tetapi hampir dua per tiga responden Cina (65 peratus) dan responden India (67 peratus) berasa didiskriminasi.<sup>103</sup> Namun begitu, hanya 7 peratus orang Melayu dan Cina pernah mengalami diskriminasi, tetapi kebanyakan orang India, pada 18 peratus (lebih dua kali ganda), mengalami diskriminasi. Penemuan tinjauan Persepsi Pluralism mendapat pandangan positif dalam keadilan mendapatkan peluang pekerjaan.<sup>104</sup> Perkadaran itu menunjukkan keyakinan bahawa mereka akan diambil kerja atau menerima kenaikan pangkat seperti kelompok yang lain berdasarkan kemahiran setanding. Bagi pengambilan kerja, 82 peratus orang Melayu, 89 peratus Bumiputera lain, 77 peratus untuk orang Cina dan India; dan untuk kenaikan pangkat, 80 peratus orang Melayu, 85 peratus Bumiputera lain, dan 73 peratus untuk orang Cina dan orang India.

Penemuan ini mengusul bahawa terdapat perbezaan dalam persepsi pemberian keutamaan di sektor awam dan sektor swasta. Orang Cina dan India berkemungkinan mempunyai akses tidak sama rata kepada pendidikan tinggi dan pekerjaan atau peluang perniagaan di sektor awam. Mempunyai pendidikan yang lebih juga boleh menambah kesedaran dan ketegasan. Responden Tinjauan Persepsi Pluralisme yang memiliki kelayakan pendidikan tinggi dan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi lebih cenderung untuk memahami pengalaman diskriminasi kaum.<sup>105</sup>

Insiden perkauman dan ketaksuban yang didokumentasikan boleh dijadikan titik rujukan. Kes-kes ini tidak banyak tetapi boleh dianggap lebih meluas, dan pengulangan mereka menunjukkan ketengangan yang mendasari dan boleh meledak akibat daripada situasi politik dan sosial.<sup>106</sup> Pada tahun 2017, surat khabar The Star telah membongkar amalan diskriminasi di pasaran rumah di Malaysia di mana beberapa pemilik rumah atau agen telah menolak pertanyaan tentang rumah mereka kerana bangsa atau kewarganegaraan bakal penyewa.<sup>107</sup> Pada tahun 2018, kes yang lebih kurang sama telah didokumentasikan oleh Pusat KOMAS berdasarkan laporan yang telah dibuat kepada mereka daripada individu-individu yang mengalami isu tersebut.<sup>108</sup>

Amatlah penting untuk dinotakan bahawa penyisihan juga boleh terjadi dalam kalangan kelompok kaum dan digarisi oleh kelas atau kedudukan geografi, dan pengalaman negatif berkenaan bangsa dan agama lebih cenderung mendapat perhatian umum berbanding pengalaman positif. Sentimen ini sama dengan penemuan Tinjauan Persepsi Pluralisme yang percaya bahawa persepsi diskriminasi melebihi pengalaman peribadi. Aspirasi masa hadapan juga mungkin berbeza dengan sentimen masa kini. Perspektif pandang ke hadapan ini, terutamanya oleh belia Malaysia, sangat menyandang keterangkuman dan penerimaan.<sup>109</sup>

## 20. MASYARAKAT SEPUNYA

### SKOR PURATA: 4.5

KELOMPOK KAUM-BANGSA | SKOR: 5

AGAMA | SKOR: 5

MASYARAKAT RENTAN | SKOR: 4

Penilaian tentang tanggapan kompleks masyarakat sepunya merujuk kepada tiga elemen: identiti dan rasa kepunyaan, perwakilan politik dan keterangkuman budaya. Masyarakat sepunya melibatkan masyarakat dan residen yang mempunyai identiti bermakna dengan Malaysia, berperasaan baik dengan identiti tersebut dan menyatakan rasa kepunyaan. Pada tahun 2021, Tinjauan Persepsi Pluralisme mendapati tahap identiti diri yang tinggi dalam semua kelompok tetapi lebih banyak perbezaan di antara kelompok dalam hal sentimen positif dan hubungan tentang identiti ini dan perbezaan yang lebih besar dalam persepsi dipandang sebagai warga Malaysia oleh warga Malaysia yang lain.<sup>110</sup>

Khususnya, dalam persoalan tentang pengenalan responden sebagai seorang warga Malaysia, 95 peratus orang Melayu menjawab dengan yakin. Begitu juga dengan 86 peratus Bumiputera lain dan 94 peratus orang Cina dan India. Untuk soalan seperti, jika seseorang itu “bangga sebagai seorang warga Malaysia” atau “mempunyai ikatan yang kuat dengan Malaysia,” terdapat jurang di antara orang Melayu dengan kumpulan minoriti lain, dengan peratusan jawapan positif seperti yang berikut: Melayu 94 peratus, Bumiputera lain 85 peratus dan Cina dan India 84 peratus. Bagi kenyataan “Orang lain di Malaysia berasa saya adalah warga Malaysia seperti mereka,” peratusan yang tinggi sebanyak 91 peratus orang Melayu bersetuju, berbanding 79 peratus Bumiputera lain dan 74 peratus orang Cina dan India.

Tinjauan Persepsi Pluralisme juga telah menilai perubahan dalam rasa kepunyaan dan mendapati bahawa orang Melayu mempunyai pandangan yang positif dengan 51 peratus mengatakan bahawa rasa kepunyaan mereka telah meningkat, 29 peratus mengatakan ia tidak berubah, dan 16 peratus mengalami pengurangan. Ini berbeza dengan peratusan Bumiputera lain sebanyak 31 peratus yang berasa terdapat peningkatan, manakala 56 peratus berasa tiada perubahan dan 9 peratus mengalami pengurangan, dan untuk orang Cina dan India, peratusan terbesar (39 peratus) berkata bahawa rasa kepunyaan mereka telah berkurang semenjak beberapa tahun ini, dengan hanya 19 peratus menyatakan bahawa ia telah meningkat dan 37 peratus menyatakan tiada perubahan. Jurang kaum-bangsa dalam perspektif terhadap penghijrahan ke negara lain juga amat besar. Al-Ramiah, Hewstone dan Wölfer mengusul prospek secara langsung: di kalangan responden mereka, lebih kurang 16 peratus orang Melayu, 37 peratus orang India dan kadar tinggi yang menakutkan, 49 peratus orang Cina menunjukkan keinginan yang kuat untuk berhijrah ke negara lain.<sup>111</sup>

Penilaian Tinjauan Persepsi Pluralisme pada tahun 2021 tentang perwakilan politik dan suara menunjukkan corak kaum-bangsa yang sama, walaupun mempunyai jurang yang lebih kurang di antara orang Melayu dengan bukan Melayu. 80 peratus orang Melayu, 71 peratus Bumiputera lain dan 74 peratus orang Cina dan India berasa bahawa “pandangan mereka diwakili oleh salah satu parti politik terbesar,” manakala 81 peratus orang Melayu,

83 peratus Bumiputera lain dan 72 peratus orang Cina dan India bersetuju bahawa “Orang seperti saya mempunyai suara yang memadai dalam hala tuju negara ini.”<sup>112</sup>

Untuk soalan berkenaan rasa kepunyaan, jawapan mengikut agama selari dengan kategori kaum-bangsa. Perkadaran laporan “meningkat / tiada perubahan / berkurang” ditandai dengan lebih positif untuk orang Islam (50 peratus / 29 peratus / 17 peratus) berbanding orang Kristian (27 peratus / 38 peratus / 27 peratus) dan penganut Buddha (24 peratus / 29 peratus / 43 peratus). Bagi perwakilan politik pula, 80 peratus orang Islam, 77 peratus orang Kristian dan 72 peratus penganut Buddha berasa satu daripada parti politik terbesar mempunyai pandangan yang sama dengan mereka. Namun begitu, apabila diasasat dengan lebih lanjut untuk mengukur keamatan, beberapa perbezaan timbul. Perkadaran sama rata orang Islam setuju dan agak setuju (40 peratus tiap satu), manakala responden daripada agama lain tampak lebih tentatif, terutamanya penganut Buddha (28 peratus setuju, 44 peratus agak setuju) dan orang Kristian (26 peratus setuju, 51 peratus agak setuju).

Aspek pengulangan Malaysia Timur memerlukan autonomi, malah pemisahan, daripada Malaysia, tetapi platform seperti itu masih belum memperoleh momentum penentu. Pindaan perlembagaan baru-baru ini mengiktiraf Sabah dan Sarawak sebagai entiti tersendiri bersama Semenanjung Malaysia, dan pengesahan MA63 sebagai batu asas negara, adalah pencapaian positif. Kajian menunjukkan bahawa kebimbangan berkenaan agama, terutamanya untuk populasi Kristian, kekal menonjol. Di kalangan Bumiputera Kristian, terdapat perasaan yang kuat berkaitan penyisihan relatif daripada perkhidmatan awam, berbanding komuniti Bumiputera Islam, dan kebimbangan terhadap cubaan oleh suku tertentu untuk menukar agama anak-anak mereka kepada Islam.<sup>113</sup> Migran dan pelarian, lebih-lebih lagi bagi golongan tiadakenegaraan, masih disisihkan daripada masyarakat sepunya.

# CADANGAN

## I. ILTIZAM

### 1. Iltizam Antarabangsa

- Wacana terbuka bersama pemegang taruh tentang persetujuan ICERD dan pelbagai konvensyen berkaitan hak dan komuniti-komuniti rentan.
- Meningkatkan laporan tentang kebertanggungjawaban negara berkaitan triti-triti kepelbagaian dan keterangkuman yang telah dipersetujui (seperti CEDAW, Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya).

### 2. Iltizam Nasional

- Mengulas dan meminda undang-undang serta dasar yang membendung kesaksamaan dan keterangkuman, dan memperkenalkan undang-undang serta dasar baharu untuk memupuk kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman sekaligus menyekat ucapan kebencian dan perkauman.
- Menerima triti antarabangsa yang telah dipersetujui secara formal dengan memperbadankan perjanjian tersebut dalam undang-undang dan menambah baik pengumpulan data untuk laporan kepada jawatankuasa perjanjian yang berkaitan.

### 3. Kewarganegaraan Terangkum

- Meminda Perlembagaan Persekutuan yang mendiskriminasi wanita berkenaan isu kewarganegaraan dan mengulas peraturan pentadbiran dan prosedur; memperjelas tugas dan skop dasar kumpulan sasaran berkaitan Perkara 153.
- Menyelesaikan masalah ketiadanegaraan yang berterusan.

## II. AMALAN

### 4. Pelaksanaan Dasar

- Menggembleng kuasa dan sumber pembuat dasar serta institusi-institusi pelaksana, terutamanya mengenai kesepaduan negara dan isu-isu berkaitan Orang Asal.

### 5. Pengumpulan Data

- Meningkatkan laporan tangkapan butir-butir data, *inter alia* (antara lain), kaum, sub kaum dan variasi gender.
- Membuka data mikro tinjauan nasional untuk penyelidikan.

## 6. Tuntutan dan Perdebatan

- Meningkatkan dan meneruskan penumpuan terhadap “tuntutan ketuanan” antara kaum dan kebimbangan kumpulan minoriti.

## III. KEPIMPINAN UNTUK PLURALISME

### 7. Parti-Parti Politik

- Parti-parti politik harus memupuk kepelbagaian dan keterangkuman dengan tegas dan membentuk pakatan melalui penglibatan pluralistik.
- Memperkasakan pengawasan parlimen terhadap eksekutif.

### 8. Media Berita

- Mengulas dan meminda undang-undang yang menyekat kebebasan media untuk memupuk laporan dan komentari yang pelbagai dan lebih terangkum.

### 9. Masyarakat Sivil

- Mengulas dan meminda undang-undang yang menyekat kepelbagaian dan keterangkuman aktivisme masyarakat sivil.
- Memupuk sekutu dalam pendekatan keseluruhan negara untuk kemampanan dan pembangunan terangkum.

### 10. Sektor Swasta

- Meneruskan kerjasama kerajaan dengan sektor swasta dalam mengangkat dan melaksanakan dasar-dasar yang mempromosikan kepelbagaian, keterangkuman dan menghentikan diskriminasi tidak adil.

## IV. KETAKSAMAAN BERDASARKAN KELOMPOK

### 11. Politik

- Menambah baik kesaksamaan gender dalam politik.
- Memperbetulkan bias dalam sistem pilihanraya di luar bandar.

### 12. Ekonomi

- Membentuk dasar ekonomi dan pemerkasaan program yang lebih efektif dalam mengurangkan jurang kaum, gender dan serantau.



### **13. Sosial**

- Menggapai keadilan akses pendidikan dan kepelbagaian dalam pendaftaran secara efektif.
- Meningkatkan peranan institusi pendidikan dalam memupuk integrasi.

### **14. Budaya**

- Mengulas dasar-dasar budaya supaya lebih terangkum.
- Mengadakan dialog dengan pemegang taruh berkaitan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 2021 yang telah dicadangkan.

### **15. Akses Kepada Keadilan**

- Mengambil penting kebimbangan spesifik tentang impak pluralisme ke atas undang-undang keluarga terhadap wanita dan percanggahannya dengan agama.
- Bekerjasama dengan SUHAKAM.
- Memberi pengiktirafan kepada dapatan SUHAKAM.
- Mengambil penting kekurangan akses yang dihadapi oleh golongan-golongan rentan.

## **V. HUBUNGAN DAN RASA KEPUNYAAN ANTARA KELOMPOK**

### **16. Keganasan Antara Kelompok**

- Menambah baik pengurusan ketegangan kaum dan konflik.

### **17. Kepercayaan Antara Kelompok**

- Mengulas dan meningkatkan program dan strategi hubungan antara kaum.
- Menanam nilai keterangkuman dan penghargaan terhadap kepelbagaian melalui sistem pendidikan.

### **18. Kepercayaan Kepada Institusi**

- Menambah baik proses demokrasi.
- Mengembalikan kepercayaan terhadap sistem keadilan, terutamanya kepada pihak polis.
- Menubuhkan institusi pengantaraan masyarakat yang bebas.

## **19. Keterangkuman dan Penerimaan**

- Menubuhkan program-program belia yang memupuk keterbukaan dalam hal-hal berkaitan bangsa/kaum/agama.
- Memupuk dialog terbuka dan konstruktif berkenaan dasar-dasar dengan melibatkan pelbagai kaum dan wanita.

## **20. Masyarakat Sepunya**

- Melindungi suara komuniti dan rasa kepunyaan.
- Memupuk visi nasional yang terangkum dan pluralistic.
- Melindungi hak dan autonomi Malaysia Timur secara konsisten dan bermakna.

# NOTA

- 1 Department of Statistics, Launching of Laporan Penemuan Utama Penduduk dan Bancian Perumahan Malaysia 2020, kenyataan akhbar, 14 Februari, 2022.
- 2 Department of Statistics, Launching of Report on the Key Findings Population and Housing Census of Malaysia 2020.
- 3 Shamsul Amri Baharuddin, *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience* (Bangi, Selangor: Institut Kajian Etnik, 2008).
- 4 Malaysia telah mempersetujui Konvensyen Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya, di mana ianya berkait penting dengan pluralisme walaupun kurang menonjol dalam konteks penilaian ini.
- 5 Kerajaan Malaysia juga telah mempersetujui Protokol Pilihan 1 dan 2, meliputi penglibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata, penjualan kanak-kanak, pelacuran dan bahan-bahan lucah berkenaan kanak-kanak tetapi masih tidak meratifikasi Protokol Pilihan 3, berkaitan prosedur aduan antarabangsa untuk pelanggaran hak kanak-kanak.
- 6 Boo Su-Lyn, "Malaysia Decides Not to Ratify ICERD," *Malay Mail*, 23 November, 2018, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/11/23/malaysia-decides-not-to-ratify-icerd/1696399>.
- 7 UN General Assembly, "World Leaders Vow Accelerated Fight Against Racism, as General Assembly Adopts Text Marking Adoption of Durban Declaration, Action Programme," 22 September, 2021, GA/12365, <https://www.un.org/press/en/2021/ga12365.doc.htm>; OHCHR, World Conference Against Racism, Racial Discrimination, Xenophobia and Related Intolerance. Declaration and Programme of Action (New York: Jabatan Maklumat Awam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2002), [https://www.ohchr.org/Documents/Publications/Durban\\_text\\_en.pdf](https://www.ohchr.org/Documents/Publications/Durban_text_en.pdf).
- 8 Hakimie Amrie Hisamudin, "Fight Racism at Home, Too, Govt Urged," *Free Malaysia Today*, 23 September, 2021, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/09/23/fight-racism-at-home-too-govt-urged/>.
- 9 Perkara 8, 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 10 Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 11 Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 12 Perkara 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 13 Malaysia telah membentangkan laporan pertama kepada ahli jawatankuasa CEDAW pada tahun 2006. Pada bulan Julai 2010, kerajaan telah menghapuskan pengecualian terhadap Perkara 5(a), 7(b) dan 16(2) CEDAW. Namun begitu, pengecualian masih ada terhadap lima perkara CEDAW iaitu Perkara 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(1)(g) (lihat, Women's Aid Organization (WAO) dan Joint Action Group, *The Status of Women's Human Rights: 24 Years of CEDAW in Malaysia*, 2019, ms. 22: <https://wao.org.my/wp-content/uploads/2019/01/The-Status-of-Womens-Human-Rights-24-Years-of-CEDAW-in-Malaysia.pdf>).
- 14 Pada tahun 2016, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyatakan bahawa mereka sedang mengusahakan Akta Kesaksamaan Gender (lihat, Kamles Kumar, "Minister now says Gender Equality Act in the works," *Malay Mail*, 2 November 2016: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/11/02/minister-now-says-gender-equality-act-in-the-works/1241171>). Pada tahun 2018, kerajaan yang baru dipilih telah berjanji untuk menubuhkan jawatankuasa pilihan parlimen untuk meneliti isu kesaksamaan gender (lihat, Shazwan Mustafa Kamal, "Six new select committees announced, Anwar heads reforms caucus", *Malaysiakini*, 4 Disember 2018: <https://www.malaysiakini.com/news/454684>).
- 15 Prime Minister's Department, "Eleventh Malaysia Plan 2016-2020: Anchoring Growth on People", PNMB, 21 May 2015: p. 122, [https://www.talentcorp.com.my/clients/TalentCorp\\_2016\\_7A6571AE-D9D0-4175-B35D-99EC514F2D24/contentms/img/publication/RMKe-11%20Book.pdf](https://www.talentcorp.com.my/clients/TalentCorp_2016_7A6571AE-D9D0-4175-B35D-99EC514F2D24/contentms/img/publication/RMKe-11%20Book.pdf).
- 16 Ministry of National Unity, "National Unity Policy." t.th., diakses 6 Julai, 2022, <https://www.perpaduan.gov.my/index.php/en/policy-of-unity/policy-plan-of-the-ministry-of-national-unity/national-unity-policy>.
- 17 Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 18 UNHCR, "Ending Statelessness in Malaysia," UNHCR: Malaysia, t.th., <https://www.unhcr.org/en-my/ending-statelessness-in-malaysia.html>.
- 19 Perkara 15, 15A, 16, 19 Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- 20 N/A, "Like it or not Indians, Chinese 'pendatang', says Perkasa," *Malaysiakini*, 9 November, 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/318930>
- 21 Kanun Keseksan Malaysia (Seksyen 298A).
- 22 A. Jalil Hamid, "Call to Adopt Unity Council's Proposals," *New Straits Times*, 29 November, 2015, <https://www.nst.com.my/news/2015/11/114628/call-adopt-unity-councils-proposals>.
- 23 James Chin, "Sabah and Sarawak in the 14<sup>th</sup> General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism," *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37:3 (2019): 173–92, <https://journals.sagepub.com/doi/full/10.1177/186810341803700308>.
- 24 Lihat, contoh, Mohsin Abdullah, "Bersatu and the Malay Dignity Congress," *The Edge Markets*, 4 Oktober, 2019, diakses 5 Julai, 2022, <https://www.theedgemarkets.com/article/bersatu-and-malay-dignity-congress>.

- 25 Abdullah, "Bersatu and the Malay Dignity Congress."
- 26 Yap Wan Xiang, "A Malay Dignity Congress Happened Over the Weekend. Here Are 5 Things You Should Know," *SAYS*, 7 Oktober, 2019, <https://says.com/my/news/top-posts-for-malays-only-and-among-other-things-happened-in-malay-dignity-congress>.
- 27 Mohd Anuar Ramli et al., "Isu-isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan," dalam *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kewarganegaraan dan Isu Kontemporari*, pnyt.Mohd Roslan Mohd Nor, Khader Ahmad, dan Mohd Yakub@ Zukifli Mohd. Yusoff (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2018), 3.
- 28 UMNO, "Sejarah UMNO," Umnoonline, n.d., <https://umno-online.my/sejarah/>; Malaysian Indian Congress, "Our Story," <https://mic.org.my/ourstory/>.
